


**Jilid II
Bil. 3**



**Hari Juma'at
12hb Mei, 1972**

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

USUL:

**Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 157]**

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Juma'at, 12hb Mei, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., F.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATO' S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

USUL

**UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya :

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Negara Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan ber-banyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketiga.” (11hb Mei, 1972)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya pada petang semalam, saya telah menyentuh peranan Pasokan Tentera dan Keselamatan di-perbatasan utara tanah ayer dan di-sempadan Sabah dan Sarawak. Bukan sahaja Majlis ini mengucapkan tahniah kepada Pasokan Keselamatan, Polis dan Tentera yang telah mengawal bagitu rapi tanah ayer kita dan dengan kawalan-nya kita mendapat faedah ketenteraman, aman dan boleh menjalankan khidmat kita dalam semua lapangan dengan tidak di-ganggu-gugat.

Sa-sunggoh-nya sa-bagai sa-buah Kerajaan yang adil, maka kena-lah pada masa dan tepat pada waktu-nya Kerajaan mesti-lah menimbangkan peranan mereka itu terutama sa-kali apabila perajurit² kita telah meninggal dunia. Pada hari ini Kerajaan hanya memberi sagu hati kepada balu perajurit hanya \$2,000 apabila sa-saorang perajurit itu meninggal dunia. Maka tinggal-lah balu dengan anak² bekas perajurit dengan wang \$2,000 bagi memulakan kehidupan yang baharu, dengan mendirikan atau membeli

sa-buah rumah kampong tempat untuk makan, atau pondok untuk berlindung dari panas, berembun dari hujan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Kerajaan patut menambah sagu hati kepada balu² perajurit ini sa-hingga \$10,000 membolehkan mereka mendirikan sa-buah pondok atau membeli sa-keping tanah untuk hidup sa-peninggalan suami-nya yang telah berkhidmat dan meninggal dunia sa-telah berkhidmat dengan Pasokan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga ada memberi bantuan penchen balu, sa-lagi balu itu tidak bersuami. Hendak-nya jangan-lah kita melanggar kehendak 'alam, Tuan Yang di-Pertua. Tiap² manusia mempunyai hajat dan chita², mempunyai nafsu dan sa-bagai-nya. Dengan kita ikatkan penchen balu yang di-beri pada tiap² bulan, umpama-nya sekian² ringgit, maka si-balu itu oleh mengenangkan hidup anak-nya, hidup diri-nya yang tidak tentu pendapatan, maka rela-lah diri-nya menjadi janda sa-berapa ketika hingga anak yang di-pelihara-nya besar kelak. Boleh-kah kita menahan atau boleh-kah kita menerima kehendak alam yang tiap² hidup mesti bergerak, tiap² yang baharu mesti menemui perubahan.

Jadi, dengan \$10,000 kalau sa-kira-nya Kerajaan menimbangkan, maka boleh-lah si-balu itu tadi mendirikan rumah, atau membeli sa-keping tanah untuk tempat berlindung, bertedoh sa-hingga menerima satu perubahan bagi diri-nya.

Tuan Yang di-Pertua, perajurit yang meninggal dunia bukan-lah bilangan yang besar. Oleh sebab kelengkapan, kecekapan mereka hanya ini satu kemalangan yang terjadi, kadang² serang hendap yang tidak di-sedari, maka apa-kah salah-nya Kerajaan menimbangkan sa-mula bahawa peruntokan kepada balu tentera yang telah meninggal di-naikkan dari kadar \$2,000 kepada kadar \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya suka hendak menyentuh sadikit, kita mengakui bahawa sa-nya peranan perajurit kita dalam mengawal tanah ayer, diakui oleh ra'ayat, diakui oleh lawan dan kawan, tetapi pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Pasokan Bekas Perajurit mahu mendirikan sa-buah rumah bangunan dengan peruntokan sa-banyak \$2 juta dan Kerajaan mengakui kalau sa-kira-nya dapat \$2 juta,

Kerajaan akan menggandakan \$4 juta—\$1 lawan \$2. Sa-hingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang \$2 juta yang di-kehendaki oleh bekas perajurit maseh belum dapat di-penuhi. Tidak-kah firma² besar, tuan² punya ladang² besar, orang² yang menikmati hidup yang lumayan, jutawan², hartawan² di-dalam negara kita ini termasuk Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak yang berpuluh² orang menjadi jutawan², jumlah \$2 juta hingga hari ini maseh belum di-penuhi, tabong-nya maseh belum boleh di-isi oleh bekas perajurit, sedangkan kalau dengan penoh-nya tabong \$2 juta ini, maka Kerajaan sudah menyanggupi \$4 juta tambahan dari pihak Kerajaan bagi mendirikan sa-buah bangunan beberapa tingkat di-bandar Kuala Lumpur ini, Tuan Yang di-Pertua. Dan dari hasil rumah atau bangunan itu akan menjadi habuan atau biasiswa kepada anak² perajurit.

Saya memandangkan kepada sanjongan kita, memandangkan kepada penghormatan kita kepada tentera, tidak ada nilai yang sama, tetapi menasabah pada pemberian kita, jumlah \$2 yang di-kehendaki oleh Bekas Perajurit tidak dapat di-penuhi sa-telah beberapa tahun. Itu pun, Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit menunjokkan segala alat kelengkapan-nya di-tiap² bandar yang besar dalam negara kita dengan mengutip toll, chukai pintu sa-bagai derma, berderma sambil melihat apa² perkakas, chara² tentera, gerak-geri, pakaian yang lama dan baharu di-pamirkan kepada orang ramai. Tidak-kah kita insaf. Saya menyeru kepada firma² besar, tuan² punya ladang yang besar, para² jutawan dalam negara kita ini, sedangkan ra'ayat² kita sendiri berjumlah 10 juta manusia, para perajurit hanya mahu \$2 juta, sampai hari ini maseh belum kedapatan, Tuan Yang di-Pertua. Mari-lah kita sama² berseru mari-lah kita gunakan segala tenaga dari sebaran 'am, akhbar, radio dan talivishen dan tiap² sa-orang daripada kita memenohi kehendak perajurit ini sa-berapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, perkhidmatan perajurit ada-lah terhad kadang² 7 tahun, kadang² 12 tahun dan kadang² 18 tahun di-berhentikan daripada Perkhidmatan Tentera. Tidak banyak tentera kita yang sampai tempoh-nya 21 tahun berkhidmat di-dalam Pasokan Tentera yang membolehkan mereka mendapat sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan atau memohon kepada Kerajaan supaya anggaran tahun itu di-peturunkan kepada kadar yang menasabah, supaya khidmat tentera yang di-berhentikan sa-telah 12 tahun hendak-lah di-beri sara hidup atau penchen bagi-nya. Kalau kita memandangkan kepada pegawai² Kerajaan sa-telah 10 tahun di-akui masuk dalam jumlah bersara, jadi kalau ini boleh di-beri kepada Pasokan Tentera kita, maka ra'ayat kita yang masuk tentera, yang sekarang ini bukan sahaja bumiputra Melayu, tetapi termasuk India dan China, telah sama² masuk tentera, maka ini satu penghargaan yang sangat di-banggakan oleh mereka itu, kalau kadar perkhidmatan-nya di-turunkan, membolehkan mereka dapat persaraan, tidak sa-bagaimana sekarang ini ia-lah 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa langkah yang saya kata boleh menolong Pasokan Keselamatan sa-telah mereka menjalankan perkhidmatan-nya sa-bagai sa-orang tentera di-dalam tanah ayer kita ini. Kita patut membuka tanah sa-chara besar² dan di-beri kepada mereka. Kalau kita boleh membuka tanah LKTP umpama-nya, mengapa Ranchangan Tanah tidak boleh di-buka kepada Pasokan Tentera.

Pasokan Tentera ada masa-nya di-berhentikan pada waktu umur lebeh daripada 40 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut peratoran LKTP, di-kehendaki mereka yang berumur 35 tahun. Jadi, malang-lah hidup mereka pada masa yang akan datang hendak menyesuaikan dengan hidup yang baharu sa-telah berkhidmat berpuluh² tahun di-dalam tentera. Jikalau perkara ini dapat di-kaji oleh Kerajaan, saya fikir tidak timbul masaalah yang di-suarakan oleh ramai Ahli² Yang Berhormat, baik dalam Dewan ini, atau pun di-luar Dewan atas kehidupan dan kesentosaan ra'ayat kita yang menjadi tentera.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap sedikit dalam masaalah banduan ia-itu orang yang telah dipenjarakan. Kerajaan berchadang hendak melagang² satu undang² baharu ia-itu Undang² Banduan yang membolehkan isteri banduan berseketidoran dengan suami-nya di-dalam penjara. Undang² ini maseh belum di-kemukakan dalam Parlimen. Tetapi saya yakin dan perchaya undang² ini akan di-kemukakan di-dalam masa yang tidak lama

lagi. Sa-belum undang² ini di-kemukakan dalam Parlimen, saya suka memberi pandangan saya kepada Kerajaan melalui Dewan yang mulia ini. Membolehkan isteri orang yang di-penjara berseketidoran dengan suami-nya dalam penjara ada di-buat di-dalam negeri² yang maju seperti di-Eropah, tetapi pada negeri kita ini yang mempunyai adat resam yang berlainan dengan adat resam orang² Barat, pada hemat saya, jikalau undang² ini di-adakan, banyak keburokan dari kebaikan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang suami yang telah di-penjarakan sa-tiap tahun, dengan ada-nya undang² yang akan di-lagang ini nanti, boleh si-isteri-nya berseketidoran dalam penjara bersama suami-nya. Andai kata dengan hasil perhubungan mereka menerbitkan satu natijah yang tidak di-sedari oleh masyarakat umum, maka beberapa ketika, beberapa bulan timbul-lah natijah itu. Si-isteri kepada yang di-penjarakan itu telah mengandung. Masyarakat akan memandang jijik, yang suami-nya di-penjara, si-isteri-nya di-luar mengandung. Pada hal mereka bersama² ketidoran dengan suami di-penjara, maka masyarakat tidak mengetahui. Maka kerap-nya si-isteri ini akan di-singkir oleh masyarakat. Apabila di-singkir oleh masyarakat undor-lah mereka ka-tempat lain membawa hati dan diri, Tuan Yang di-Pertua. Dan kadang kala kalau salah bawa terjerumus-lah si-isteri ini ka-lembah yang hina. Yang si-suami ini tidak mengetahui kejadian yang berlaku, sebab dia ada dalam kurungan di-rumah yang berpagar dan apa yang telah terjadi kepada isteri-nya mungkin shak dan waham kalau² lain ayam yang bertelor lain bapa yang mengaku. Tidak-kah ini akan menggalakkan lagi berlaku pelachoran, akan timbul-lah perkara yang burok dalam masyarakat, akan timbul perkara sex, akan timbul filem luchah, akan timbul buku yang mengandongi cherita² 1001 cherita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, ada baik-nya kita memikirkan jikalau sa-kira-nya si-suami dengan ada-nya undang² yang akan di-bawa ini nanti membolehkan isteri-nya bermalam sama dalam penjara. Maka di-mana-kah dudok-nya ketidak-baikannya masok penjara. Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-orang masok penjara, suami-nya atau isteri-nya satu ketika boleh datang, maka tidak ada bedza di-luar penjara dengan di-dalam penjara. Dengan tidak ada bedza

di-dalam penjara dengan di-luar penjara, maka tidak dapat di-fikirkan mana baik dan mana burok-nya melakukan satu² kesalahan.

Saya sedar beberapa buah negara di-Eropah menjalankan undang² ini, tetapi pada kita negeri yang maseh muda yang mempunyai adat resam ketimoran. Perkara ini maseh belum sesuai dan masa-nya belum tiba.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan dapat memikirkan dan saya sangat berterima kaseh kalau pandangan saya ini di-hargai.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap sadikit dalam masaalah filem. Dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah ada di-nyatakan perkara ini dengan terang². Hemat saya, saya pernah juga menengok filem yang di-katakan filem sex ini. Tetapi sa-bagai sa-buah negeri yang maju kita patut juga ada sa-kali sa-kala, sebab keburokan moral ini bukan sahaja terdapat kepada filem. Keburokan sex juga terdapat dalam buku² cherita, dalam kalender (haribulan), dalam risalah, gambar dan sa-bagai-nya. Dan apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini pun filem Hindustani ia-itu pada masa dahulu-nya tidak banyak adegan atau babak yang menunjukkan sex, tetapi pada masa yang akhir ini sudah ada sadikit sa-banyak pertemuan pipi dengan hidong ada dalam gambar itu. Bagitu juga filem Indonesia pun sudah ada, sedangkan kita di-Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita maseh memberi kuasa monopoli kepada sharikat² bagi membuat filem yang filem itu tidak boleh di-tayangkan. Dan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang peminat filem, filem keluaran negara kita ini standard-nya chukup rendah, jika di-bandingkan dengan standard filem² dari luar terutama filem² dari Hindustan, India atau pun Indonesia. Jadi apa yang saya hendak tekankan di-Majlis yang mulia ini, Kerajaan patut-lah mengadakan satu pasokan kerana membuat filem industri. Filem Negara boleh di-jadikan puchok dan Filem Negara ini boleh di-jadikan asas bagi maksud perfileman negara kita. Dan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Filem Negara hanya memilemkan cherita² kejadian, pembangunan dan sa-bagai-nya, tetapi tidak menyatakan atau tidak menggambarkan kehendak ra'ayat negeri ini berhubung

dengan pengarahannya. Jadi kalau sa-kiranya Kerajaan boleh mendahulukan Filem Negara menjadi asas untuk di-jadikan commercial filem, saya fikir negara kita sudah berjalan sa-tapak ka-hadapan dalam soal perfileman dan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, chuma dua buah sharikat filem sahaja memonopoli dalam negara kita ini, monopoli tentang pengeluaran filem, monopoli kerana panggong.

Filem² ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak di-buat banyak dalam negeri kita, di-buat di-luar daripada negeri kita. Keuntungan faedah tidak banyak terpulung kepada negeri kita. Sekarang sudah sampai masa-nya yang kita mengadakan atau pun menggalakkan badan² swasta, firma² supaya mengadakan perfileman di-dalam negara kita sendiri jikalau di-fikirkan Filem Negara ini ia-lah filem Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir ucapan saya, saya tidak hendak menyentuh panjang², tetapi saya chuma hendak menyatakan satu perkara sahaja lagi, ia-itu taraf Dewan ini. Saya pernah dudok di-Dewan Rendah, Tuan Yang di-Pertua, dan pada hari ini dengan izin Allah saya dudok di-Dewan Tinggi, Dewan Senate dan saya merasa di-atas dua buah Dewan ini. Dan mengikut Perlembagaan Dewan Negara ini-lah Dewan yang paling tinggi di-dalam negara kita. Tetapi bila kita perhitungkan nisbah hadiah yang di-terima oleh Ahli² Dewan Negara ini lebeh rendah daripada apa yang di-terima oleh Ahli² Dewan Ra'ayat. Di-mana² Dewan Negara (Upper House) atau lain² dalam negara² lain, kedudukan Dewan Negara-nya tinggi dan juga pemberian hadiah-nya pun tinggi...

Tuan Yang di-Pertua: Hadiah apa itu?

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ia-lah saraan (allowance).

Tuan Yang di-Pertua: Elaun bayaran tiap² bulan?

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kita maseh lagi menerima \$35 satu hari elaun harian ia-itu berdasarkan bayaran kepada tahun 1957, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah 14 tahun kita maseh menerima \$35 satu hari sedangkan Kerajaan Negeri memberi \$50 satu hari, Tuan Yang di-Pertua, firma \$100 satu hari.

Saya tidak memandang duit, Tuan Yang di-Pertua. I am not looking for the money. I am looking for the principle. Saya tidak pandang duit, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang kepada dasar. Jikalau Dewan ini Dewan tinggi, mahu-lah kedudukan dan pemberian hadiah, saraan elaun juga tinggi, baharu ada mendapat kata yang sa-benarnya, dan saya tidak akan berchakap masaalah sara hidup ini, Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini pada masa hadapan. Hanya saya mengambil sempena hari mula saya berchakap dalam Dewan ini, saya atorkan lafadz saya dalam Majlis ini berhubung dengan perkara kenaikan elaun Ahli² Dewan Negara dan juga elaun harian bagi kedua² Dewan ini, Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Tiga puluh lima ringgit sa-hari ia-itu berdasarkan pendapat tahun 1957.

Saya berasa sukachita kalau sa-kiranya Kerajaan menhadangkan tidak ada Ahli Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara ini di-beri elaun. Saya sanggup menerima dengan tidak ada apa elaun jikalau perkhidmatan saya di-kehendaki oleh Kerajaan. Tetapi apa yang saya sebutkan di-sini, kerana ini adalah pemberian yang di-tetapkan oleh Kerajaan mengikut tiap² inchi peruntukan yang di-luluskan oleh Parlimen. Jadi, saya berhak berchakap, Tuan Yang di-Pertua, walau pun pada mula-nya saya malu hendak memperkatakan, nanti saya di-fikirkan oleh ra'ayat negeri ini datang ka-Dewan ini kerana memohon tambahan gaji. Saya tidak berbuat pada masa yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya mahu di-rekodkan apa yang saya katakan ini untuk pandangan Kerajaan pada masa akan datang.

Pada akhir-nya, saya menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, menyampaikan Ucapan Terima kaseh atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Parlimen tempoh hari dengan hati yang penoh terbuka. Terima kaseh.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita mengambil peluang di-dalam perbahathan terhadap ucapan atas usul terima kaseh kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sa-bagaimana kita telah mendengarnya, satu ucapan yang pendek, tetapi hampir menyeluruh daripada kehendak

negara pada waktu ini dan perdebatan di-dalam Dewan kita ini sudah berhari² dan sudah banyak Ahli² yang mendapat peluang berchakap dan banyak pula hal² yang telah di-sentuh. Pada hari ini, saya mengambil kesempatan untuk berchakap sedikit, menyentuh perkara² yang belum di-sentuh atau menambah-menokok perkara² yang saya fikir perlu di-beri tambahan bagi kesedaran dan keinsafan pihak Kerajaan untuk kepimpinan negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama, yang ingin saya kemukakan bagi ketiga kali-nya di-dalam Dewan yang mulia ini, ia-lah perhatian Kerajaan yang sungguh² terhadap waktu bersidang-nya Majlis Parlimen—Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Pada sidang² yang lalu bukan hanya saya sa-orang sahaja yang menyuarakan perkara ini, tetapi beberapa orang lagi ikut menyesali atas sikap Kerajaan mengator masa sidang yang berlaku sa-rentak seperti ini. Sidang yang sa-rentak seperti ini dapat kita rasai bersama bahawa tidak ada kepuasan kepada anggota² yang berchakap, yang menyampaikan hasrat mereka, atau orang² yang di-wakili oleh mereka. Tidak ada-nya Menteri² seperti biasa di-dalam Dewan Negara ini, kita sama² ma'alom, tidak ada pegawai² yang betul² menchatet segala ucapan² yang memerlukan untuk di-beri jawapan oleh pihak Menteri, sama ada mereka hadir atau di-wakili. Ini telah berlalu beberapa kali. Banyak perkara² yang di-kemukakan dalam Dewan ini tidak berjawab dan hal ini tidak patut di-amalkan di-dalam negara demokrasi, di-mana timbulnya suara dari wakil² yang datang dari ra'ayat itu harus menjadi suara di-hormati, suara yang di-dengar, fikiran² yang di-kemukakan itu mesti menjadi fikiran² yang di-hormati oleh pihak Kerajaan yang memementah. Menganggap sepi, tidak memberi jawapan, bererti tidak ada demokrasi yang sa-benar-nya berjalan dalam Negara ini. Atau dengan lain perkataan, ada-nya Dewan² ini hanya sa-kadar untuk melepaskan batok di-tangga. Dan hal ini tidak patut di-lakukan, tidak mesti berlanjutan. Ini bukan sahaja dari segi anggota Parlimen, baik Dewan Ra'ayat atau Dewan Negara, khususnya anggota Dewan Negara dan saya sendiri dari Pembangkang, tetapi dari anggota pihak penyokong Kerajaan juga berasa tidak puas.

Kemudian di-pandang dari sudut pekerja² di-bangunan Parlimen, tenaga² manusia yang

bukan mesin, kalau mesin juga leteh, komputer juga rosak, tetapi tenaga² manusia ini yang di-paksa bekerja sa-bagai pemberita², penterjemah sa-rentak dan lain² tenaga di-Parlimen ini di-paksa bekerja dengan tidak memperhetongkan kesihatan mereka dan betapa berat yang harus mereka sempurnakan tanggong-jawab mereka sa-kali pun beberapa bulan sa-kali dan hal ini harus di-fikirkan dan kerana itu tidak ada sebab-nya kita mengadakan sidang seperti ini. Dewan Negara boleh bersidang sa-sudah Dewan Ra'ayat, itu lazim-nya, yang sa-patut-nya. Kechuali ada sa-suatu hal yang terlalu mustahak, yang emergency, yang memerlukan kedua² Dewan membuat keputusan dan kelulusan dengan sa-chepat mungkin, itu ada-lah soal luar biasa, tetapi dalam hal² yang biasa, mengamalkan yang seperti ini, tidak menguntongkan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengikuti Uchapan Titah Seri Paduka Baginda, perkara yang di-beri perhatian oleh Titah Uchapan Seri Paduka Baginda ia-lah soal berasa senang hati, kerana negara kita ini telah bergerak dengan pesat-nya ka-arah perpaduan dan kemajuan. Hal ini, kita sa-bagai warganegara, bagi negara Malaysia yang terchinta ini, perlu memberi perhatian yang sa-dalam² terhadap perpaduan dan kemajuan. Perpaduan di-antara kita sa-sama kita, kemajuan negara kita, perpaduan yang sa-benar² dalam erti kata perpaduan dan kemajuan yang sa-benar² dalam erti kata menafa'at-nya kepada warganegara Malaysia. Saya fikir ada-lah bijaksana bagi kita untuk tidak terus menerus menipu diri kita sendiri, memperkatakan sa-suatu yang kita juga faham, sa-suatu yang kita harapkan maseh di-awang²an. Baik dari segi perpaduan, mahu pun dari sudut kemajuan, hakikat dari apa yang kita harap²kan bagi kepentingan bangsa dan negara ada-lah maseh di-awang², jika kita mahu memperinchikan dengan sa-benar-nya. Kita telah menelorkan suatu yang kita namakan dia Rukunegara.

Kita telah dengar, Yang Berhormat Menteri Penerangan sa-waktu beliau sa-bagai Ahli Dewan Negara membuat satu ucapan di-Dewan ini, yang kemudian di-beri publisiti sa-luas²-nya, sa-hingga titik dan koma termasuk dalam akhbar, radio dan lain². Satu ucapan yang menganalisis falsafah Rukunegara. Dan kita ikuti definisi atau pun penjelasan daripada apa yang di-katakan

Rukunegara oleh sa-orang hamba Allah yang lain melalui talivishen. Pada sa-tengah orang mengambil kesimpulan segala ucapan dan huraian yang di-buat itu terlalu "abstract", sa-hingga kadang² mungkin orang yang membuat itu pun tidak dapat memahami apa yang di-buat-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya katakan terus terang, kita telah dengar dan telah baca dalam surat² khabar, ada fikiran² yang mengatakan tidak perlu di-tarek kembali sekatan² terhadap kebebasan berchakap saperti yang telah kita lakukan dengan pindaan terhadap Perlembagaan kita; sabagitu penting bagi negara kita, tetapi di-aku² pula bahawa ada banyak gerakan², kegiatan² yang diam², yang menimbulkan sa-suatu yang tidak menyenangkan kepada kepentingan negara atau dengan lain perkataan bagi maksud perpaduan negara ini.

Sa-waktu kita meminda Perlembagaan, saya telah berchakap, tidak ada satu tenaga di-dalam dunia ini yang ada di-atas muka bumi ini dapat menguasai hati manusia. Sa-lama kita tidak dapat menguasai hati manusia segala undang² itu hanya boleh mengawal di-perbatasan, di-muka atas, dibahagian atas, tetapi dia merebak; tentangan itu akan merebak dari dalam. Saya perchaya Kerajaan chukop sedar dalam hal ini dan kerana itu di-aku² dan wajar ujud, nyata-lah perpaduan yang kita harapkan maseh jauh dari hakikat yang sa-benar. Apa-tah lagi usaha² ka-arrah perpaduan itu tidak nyata sunggoh². Sa-hingga kalau kita meninjau dari semua aspek kemasharakat kita, apa yang ada pada hari ini itu-lah juga yang ada pada hari kelmarin—tidak banyak perubahan. Pada hal kita mahu mengejar kejayaan dalam tempoh yang sa-sengkat²-nya sa-sudah Peristiwa 13 Mei yang bersejarah itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi negara ini seluroh, baik di-Malaya atau Tanah Melayu, yang kita katakan Malaysia Barat sekarang ini, di-Sarawak atau di-Sabah, terdapat gejala² yang tidak menunjukkan ada-nya perpaduan. Amaran yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Tun Datu Mustapha, Ketua Menteri Sabah, sudah chukop membuktikan tidak ada-nya perpaduan, dan Kerajaan tidak berbuat yang sa-chukop-nya bagi meujudkan perpaduan, tetapi Kerajaan membuat dan menyediakan ucapan untuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang soal perpaduan dengan segala ke-

ayaan. Saya mahu melihat perpaduan di-dalam sa-benar²-nya dan kita tidak mahu melihat sa-sudah bersatu berpechah lagi. Sa-hingga kerana tidak mahu melihat sa-sudah bersatu berpechah lagi itu-lah, sa-waktu Singapura mahu di-serahkan, saya katakan di-serahkan berma'ana di-keluarkan dari Malaysia, pernah saya sebutkan di-dalam Dewan ini pada pukul 3.00 pagi, Sang Nila Utama telah membangunkan Singapura, tetapi kita menyerahkan kepada Lee Kuan Yew. Saya tidak rela, kerana itu saya berkechuali dalam Dewan ini dalam usul menyerahkan Singapura itu. Sa-kali kita bersatu tidak patut kita berfikir untuk berpechah dan mesti di-kawal dan di-usahakan supaya perpaduan itu wujud dalam erti kata yang sa-benar²-nya bukan hanya ucapan demi ucapan. Gejala ini telah menunjok dengan terang di-Sabah, di-Sarawak dan di-Malaysia Barat ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membangun masharakat Malaysia yang bersatu-padu, saya baharu mengatakan masharakat Malaysia, pada hal yang saya mahu bangsa Malaysia, dia tidak boleh dengan falsafah yang "abstract", tetapi dia mesti di-bangunkan dengan satu chara berfikir yang sama dengan satu konsep hidup yang sama, yang pada biasa-nya di-dalam dunia ini tidak boleh kita memaksa semua berlaku sama, tetapi kebanyakan-nya menguasai, kebanyakan-nya itu sa-suatu yang lebeh luas, lebeh besar, lebeh baik dapat menguasai yang lain² dan ini harus di-chari suatu asas hidup, satu prinsip hidup, satu ideologi hidup, yang lebeh baik yang dapat mengatasi semua dan dapat menguasai semua dengan tidak payah memaksa dan menghanchorkan yang lain².

Kita memerhati kepada sikap Kerajaan, sa-tiap kita mengetahui bahawa bahasa di-Malaysia ini mesti ada satu yang menyatukan, dan bahasa itu telah kita ambil daripada bahasa Melayu menjadi bahasa bangsa Malaysia. Tetapi dalam Titah Uchapan Seri Paduka Baginda, hanya menyebutkan soal bahasa di-sekolah² untuk anak² 70 tahun akan datang. Sudah berbelas tahun kita merdeka, kita mahu amalkan bahasa itu dengan sunggoh², tetapi uchapannya tidak menyentuh pun soal peranan bahasa itu di-masa ini. Untuk anak² di-sekolah, yang itu pun juga ada timbul perasaan tidak senang.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita mendengar lagu “Bahasa Jiwa Bangsa”, slogan² yang molek, peraduan² bahasa, dan sekarang ini semua-nya sudah berlalu, sa-olah² kita telah berjalan dan telah dengan penoh kejayaan apa yang kita kempenkan pada masa yang lalu. Sa-benar-nya Kerajaan telah berhenti sa-paroh jalan dengan bertukar-nya Panglima Bahasa yang kita beri kapada sa-orang hamba Allah dahulu, Panglima Bahasa sekarang sudah menjadi Panglima Beras, maka terhenti semua aktiviti untuk meneruskan usaha² yang baik, bagi menjayakan wujud-nya satu bahasa yang bersatu bagi menyatukan semua manusia di-Malaysia ini sa-bagai satu bangsa Malaysia yang memakai dan menggunakan satu Bahasa Malaysia.

Bahasa ini-lah alat yang pertama, yang sangat penting bagi meujudkan persefahaman antara kita sama kita. Kalau bahasa ini sudah dapat di-kuasai, insha’ Allah dapat di-ikuti dengan hal² lain. Falsafah hidup yang baik, yang terbaik, yang dapat mengatasi semua falsafah di-mana boleh di-dapati sa-suatu kebaikan kapada negara ini sendiri. Tetapi dengan tidak ada-nya perpaduan bahasa, tidak dapat-lah warganegara Malaysia memahami bahasa Malaysia dengan baik, chita² ini hanyut saperti keadaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila berchakap tentang bahasa sa-bagai alat yang maha penting untuk menyatukan masharakat dan untuk mendirikan, membangun satu bangsa Malaysia saperti saya katakan tadi bahawa bahasa Melayu telah di-jadikan bahasa Malaysia, saperti bahasa Melayu di-jadikan bahasa Indonesia. Kedua² bahasa ini tidak boleh di-benarkan berpisah menjadi bahasa 10 juta manusia dan menjadi bahasa 100 juta manusia, tetapi harus-lah di-ikhtiarkan dengan kerjasama Kerajaan supaya dia menjadi bahasa 130 juta manusia dan kemudian menjadi bahasa *lingua franca* bagi daerah dunia sa-belah sini, khusus-nya dia menjadi bahasa internasional yang dapat diterima sa-bagai satu² bahasa di-dalam bahasa² rasmi di-dalam United Nations. Ini bukan-lah satu hal yang mustahil di-laksanakan, kerana bahasa Melayu yang sekarang menjadi bahasa Indonesia atau bahasa Malaysia ada-lah satu bahasa yang hidup yang dapat menerima, dapat di-bentuk dan dapat di-sesuaikan dengan semua zaman dan perkembangan. Dan hal ini, Tuan Yang

di-Pertua, telah di-akui oleh pengkaji² bahasa dari Eropah sendiri, chuma kita sendiri yang lemah.

Shukur alham dulillah, pehak Indonesia sa-sudah bertahun² lama-nya, dapat menerima konsep ejaan sama dengan sedikit chadangan perubahan tentang huruf “c” yang di-maksudkan “cha” di-ganti kembali kapada “ch”, dan pehak Kerajaan pun sudah mula berurus bagi melaksanakan perkara ini. Apa yang telah berlaku, ini semua-nya pengalaman kapada kita bangsa Malaysia dan bangsa Indonesia sendiri Penolakan Indonesia yang bertahun² hasil dari kesombongan, sifat sombong—merasa mereka terlalu besar sa-hingga itu perlu apa menurut dan menerima fikiran² dari Malaysia, kerana banyak chadangan yang datang dari Malaysia. Dan hal saperti itu ada juga pada kita bangsa Malaysia yang merasa kita ini “anak angkat British” yang terlalu pandai dalam pentadbiran, perlu apa tundok pada Indonesia, dan ini terlalu merugikan. Dan hal ini dengan tidak payah memberi detail, patut di-insafi dan di-sedari, kemudian di-perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan antara Dewan Bahasa dan Pustaka kita melalui Kementerian Pelajaran dengan Balai Pustaka, Djakarta melalui Kementerian-nya harus ada ko-ordinasi, bukan sahaja dalam soal² huruf dan ejaan, tetapi dalam kata dan sebutan. Ini perlu sa-kali. Kalau tidak banyak orang² kita yang tidak dapat membacha buku dalam bahasa Indonesia dan banyak pula orang Indonesia yang tidak dapat memahami buku dalam bahasa Malaysia. Pada hal asal usol-nya satu.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam mengatorkan ini dan melaksanakan peranan bahasa ini akan membuahkan hasil² yang akan datang sa-baik²-nya bagi kita di-Malaysia khusus-nya. Dan atas asas ini-lah pembangunan masharakat Malaysia dan bangsa Malaysia itu dapat di-ujudkan dengan chara yang paling berkesan oleh kerana alat yang menyatukan itu ia-lah bahasa Malaysia yang standard.

Saya berpaling, Tuan Yang di-Pertua, kapada persoalan perdagangan. Kerajaan mempunyai hasrat untuk melihat pembangunan kilang² tidak sa-kadar di-dalam bandar² atau di-pinggir bandar² atau kota², tetapi menyeluruh sampai di-luar bandar bagi

membolehkan ramai ra'ayat mendapat pekerjaan di-tempat masing². Sudah bertahun kita mendengar hasrat Kerajaan dalam hal ini, tetapi hasil-nya kita dengar lagi sungutan pehak Kerajaan sendiri mengatakan banyak pehak swasta tidak mempunyai kegemaran untuk memelopori pembangunan kilang² di-luar kawasan bandar. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kena kita tanya kepada Kerajaan lagi. Kita tidak mahu sa-semata² mendengar dari Kerajaan, pernyataan hasrat dan mendorong sahaja, kita tidak mahu juga mendengar lagi Kerajaan bersungut ra'ayat tidak memperdulikan, swasta tidak mahu membangunkan kilang² di-luar bandar. Kita mahu bertanya kepada Kerajaan, mengapa Kerajaan tidak mengadakan facilities, segala kemudahan² yang di-perlukan bagi membangun kilang², jalan raya sa-bagai alat perhubungan, kemudahan electricity, bekalan elektrik yang murah dan sa-bagai-nya. Ini semua-nya sangat di-perlukan. Begitu juga ayer dan sa-bagai-nya semua-nya di-perlukan oleh kilang² supaya bila ada bekelan² ayer, baharu dapat mereka ini di-galakkan membuka kilang di-kawasan² luar bandar. Negeri Kelantan mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah betul² sa-buah negeri yang mempunyai kepala negeri—Bandar Kota Bharu—tetapi itu maseh boleh di-sifatkan sa-bagai bandar kechil, dan kedudukan-nya pada umum-nya boleh di-sifatkan macham luar bandar, under-developed state. Sampai sekarang tidak banyak kilang² yang di-tubuhkan atau yang di-chadangkan akan di-tubuhkan. Mengapa? Apa-kah di-sana tidak ada bahan? Kalau padi, dia nombor dua dari Kedah—pengeluaran padi. Erti-nya dia mempunyai peluang untuk membangunkan kilang padi. Dia boleh memproses jerami kerana ada jerami, dia boleh memproses dedak kerana dia mempunyai dedak daripada pemesinan padi. Dia perlu kepada kilang² kerana ada bahan² dari sumber padi. Kawasan² pantai-nya mempunyai kelapa. Kelapa mempunyai santan yang boleh dibuat minyak, mempunyai lidi, mempunyai itu mempunyai ini dan berbagai² yang boleh di-lakukan, berbagai² yang mendorong kilang memproses-nya. Kelantan ada mempunyai kawasan yang batu² yang boleh dibuat simen, lebeh kaya daripada apa yang di-dapati di-Perak dan di-Selangor ini. Tetapi mana facilities yang di-sediakan oleh pehak Kerajaan Pusat yang bertanggung-jawab dalam hal² saperti ini bagi membolehkan pehak swasta atau sa-siapa juga mem-

bangunkan kilang² yang akan menolong ra'ayat mendapat pekerjaan di-luar bandar. Tidak ada facilities yang di-sediakan. Sebab itu seruan dan sungutan tidak mempunyai erti apa², hanya sa-kadar untuk kemenangan politik sa-mata².

Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam soal ini, perkembangan di-dalam perdagangan, soal sektor² swasta, soal kilang², buroh dan majikan, ada hubungan dengan perpaduan. Di-dalam Dewan yang mulia ini telah ada anggota yang berchakap soal gaji, soal layanan dan sa-bagai-nya, soal pekerja dari bumiputra, soal mencherminkan jumlah penduduk dan sa-bagai-nya. Saya tidak perlu mengulangi hal² yang telah di-sentuh terlalu banyak, tetapi perlu saya katakan, berlaku dengan tidak adil. Ini harus di-perhatikan benar² oleh Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Sa-orang pemuda bumiputra di-perchayai oleh majikan dalam kerja kayu, datang pegawai² expert dari luar negeri bekerja di-sharikat kayu itu, pemuda bumiputra ini diberi latehan khas, sa-lain daripada menjadi Jurubahasa dia di-suroh belajar dan dia di-suroh mengajar oleh pegawai expert dari luar negeri tentang hal² kehutanan dan perakuan, dia mengerti dan dapat di-perchayai betul² oleh pehak majikan. Tetapi dia hanya di-beri pendapatan \$170 sa-bulan. Dia mesti dudok di-hutan. Sa-orang yang bukan bumiputra yang kebolehan-nya sudah lebeh kurang berdasarkan daripada kebiasaan pengalaman mendapat gaji \$560 sa-bulan dengan pengetahuan, kebolehan dan pengalaman yang sama. Dan ini mesti di-perhati oleh Jabatan Buroh. Ini diskriminasi. Ini tidak adil. Ini tidak menunjukkan akan ujud-nya perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, siapa lagi kalau kita hendak harapkan, kalau tidak Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat memeriksa dalam hal ini. Saya tidak boleh mendesak Perdana Menteri kerana bukan tugas-nya, tetapi Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat yang bertanggung-jawab dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal² yang saperti ini mesti-lah di-selesaikan dahulu. Kemudian kita akan sampai kepada perengkat lain di-dalam pelaksanaan membentuk masyarakat yang benar² berbangsa Malaysia. Kalau hal² yang saperti ini belum dapat di-selesaikan, soal bahasa dan apa yang saya katakan diskriminasi tadi, susah untuk kita menyesuaikan hal² lain.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dari warga-negara Malaysia tidak mempunyai pekerjaan. Ini di-akui oleh Kerajaan. Dahulu telah kita bangkitkan. Kita perchaya yang mendaftarkan diri-nya di-Jabatan Buroh ada-lah sedikit daripada yang banyak, kerana banyak lagi yang tidak mendaftar. Perkara ini atau keadaan ini Kerajaan harus memikirkan sa-dalam²-nya. Saya sunggoh² bersimpati dengan apa yang di-utarakan oleh sahabat saya Senator Kamarul Ariffin dalam ucapan-nya sa-waktu membawa usul supaya Kerajaan meninjau kemungkinan² mengirinkan buroh² kita ka-luar negeri yang maju dalam bahagian teknik-nya walau pun dengan ikatan kontrek. Peluang² itu bukan sahaja kita memberi pekerjaan kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan, tetapi kita telah memberi kursus kepada mereka yang membolehkan mereka kembali ka-negara kemudian dengan pengalaman² yang bijak, yang chekap, yang merupakan sa-bagai skill labour yang memang di-kehendaki oleh negara ini sa-banyak²-nya. Tentu dalam hal ini British tidak senang dengan kita. British sekarang ini telah pun mengetatkan, kerana tambah chemburu dengan kemasokan orang² kulit berwarna. Kita chari negeri² yang lain dan kalau Kerajaan mahu memikirkan, ini-lah masanya yang patut kita fikirkan. Apa yang pernah saya utarakan di-dalam Dewan ini berkali² beberapa tahun yang lalu ia-itu kita keluar daripada British Komanwel. Saya pernah mencheritakan sejarah ujud-nya Komanwel di-dalam Dewan ini dan kali ini tidak perlu saya ulangi. Tetapi saya mahu ulangi keluar daripada British Komanwel. Siapa yang benar² bergantung? Malaysia yang merdeka ini-kah yang benar² mahu bergantung kepada British atau British yang sudah menjadi kuasa nombor 7 atau nombor 10 dalam dunia ini yang mahu bergantung kepada negara² bekas jajahan. Sa'at yang paling tepat bagi kita keluar daripada British Komanwel ia-lah sekarang, kata saya, kerana kita telah mengusahakan sa-suatu yang baharu ia-itu negara ASEAN, perpaduan daerah serantau dari daerah negara² ASEAN. Dengan ujud-nya perpaduan serantau dari negara² ASEAN ini, Komanwel tidak mempunyai kepentingan² apa kepada kita. Saya tidak mengerti kalau Kerajaan maseh memikirkan penting dan kalau maseh membeli lagi kertas² dari England melalui Crown Agents untuk dipakai di-Jabatan² Kerajaan.

Pada hemat saya sudah chukop hubungan kita dengan British dan sudah patut kita berhentikan dan kita mulakan hubungan dengan British sa-bagai hubungan kita dengan bangsa² lain, tidak ada lebeh dan tidak ada kurang. Apa yang kita boleh harapkan dari British sa-bagai ketua pengasas Komanwel ini? Dalam soal Afrika Selatan, bekas Perdana Menteri kita sa-bagai jagoh, pernah orang buat caricature beliau melompat di-atas meja dalam Sidang Menteri² Komanwel, begitu kuat silat-nya dalam mempertahankan hak asasi manusia dalam menentang dasar apartheid yang berlaku di-Afrika Selatan. Apa yang British lakukan? Saya pernah berbichara di-dalam Dewan ini. British akan memelihara Afrika Selatan dengan status yang ada sekarang ini kerana kepentingan-nya sendiri. Hubungan England dengan Australia kerana mereka tidak dapat gunakan Terusan Suez. Mereka tidak pedulikan kepada kita, mereka tidak pedulikan kepada soal kemanusiaan, tetapi soal kepentingan negara mereka, hubungan kulit putih dengan kulit putih di-Australia dan di-England itu yang lebeh penting dari soal kemanusiaan berapa ribu juta sa-kali pun di-dalam dunia ini.

Demikian soal Rhodesia Selatan. Kalau-lah kita bangsa Melayu sa-belum Malaya merdeka, sa-belum Malaysia bertindak saperti yang di-lakukan oleh Ian Smith di-Rhodesia Selatan, entah berapa puluh ribu anak² Melayu yang telah di-korbankan oleh peluru² British? Tetapi kerana yang melakukan pemberontakan haram di-Rhodesia Selatan itu ada-lah kulit putih, sa-kali pun semua negara Komanwel membuat bantahan, tetapi sampai sekarang K.I.V. fasal kulit putih sama kulit putih. Mari kita perhatikan lagi sikap British di-dalam trajidi yang berlaku antara Pakistan dengan Pakistan. Soal dalam Negeri Pakistan, soal mereka mahu merobah, mahu mengasingkan diri, berpisah dan mengujudkan Bangladesh dan sa-bagai-nya, itu ada-lah hal biasa dalam dunia. Negara boleh berchantum, negara boleh berpisah, bangsa baharu boleh bangun, bangsa lama boleh hanchor, itu ada-lah soal biasa dalam dunia, dalam sejarah manusia tahun demi tahun. Tetapi peranan British sa-bagai bangsa yang menjadi pengasas dan ketua Komanwel terhadap peristiwa itu harus menjadi chontoh tauladan kepada kita sendiri, kerana kepentingan British banyak

di-kawasan Pakistan Timor yang diishtiharkan sa-bagai Bangladesh. Maka dia harus mempunyai dasar hypocrite dan dia harus bertindak seperti apa yang telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti kalau kita telah mempunyai asas menegakkan perpaduan serantau di-kawasan ASEAN ini, kita boleh meujudkan perpaduan dan usaha² ka-araf itu dalam kebudayaan dan ekonomi dan nanti akan datang kepada politik. Dengan mengadakan kepada hal² yang lain lagi yang boleh menguntongkan kita bagi kepentingan kita bersama maka tidak ada sebab untuk terus kita tinggal dalam British Komanwel yang memalukan ini. Dan langkah yang boleh di-ambil oleh Malaysia dengan meninggalkan British Komanwel adalah merupakan langkah chontoh tauladan untuk di-turuti dengan kerja² yang lain. Apabila kita mahu meujudkan sa-suatu keadaan yang baharu seperti yang kita sedang usahakan sekarang ini, kita menchetuskan satu idea baharu mahukan satu kawasan yang terkechuali di-daerah ini, kita harus melepaskan diri seperti yang telah saya katakan dahulu dari ikatan² tentera, dari itu dan ini. Thailand juga harus bagitu, Philippines juga harus bagitu, semua negara ini harus sesuai melepaskan diri dari ikatan² asing. Dan bagi Malaysia harus menjadi chontoh, pertama keluar daripada British Komanwel. Kemudian selesaikan soal perjanjian Peratoran Pertahanan Lima Negara itu. Kemudian kita akan selesaikan soal kita dengan bangsa² dalam keluarga ASEAN. Langkah Malaysia ada-lah tauladan, langkah Malaysia ada-lah chontoh sesuai dengan kita menjadi promoter, sesuai dengan kita sendiri menjadi orang peranchang dan pembuat dasar bagi ranchangan ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal Sekretariat Islam, tetapi saya rasa, saya tidak mahu mengambil terlalu banyak masa dalam Dewan ini, maka saya biarkan hal ini tidak di-sentuh sama sa-kali.

Kembali kepada persoalan di-dalam negara kita yang langsung mengenai ra'ayat, ia-itu soal kemiskinan ra'ayat. Ahli Dewan kita, Yang Berhormat Senator Tuan Abdullah pun telah menimbulkan pendapatan ra'ayat ada yang mendapat \$30 sa-bulan dan pernah saya menyatakan ra'ayat memakan ayer mata. Ini minta benar² di-beri perhatian oleh Kerajaan supaya mereka tidak

terdorong kepada suatu keadaan yang burok, sama ada di-sukai atau tidak di-sukai, sama ada mereka sedar atau tidak mereka sedar. Kata Rasullullah-sallallah-alai-wassalam, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan hadith dalam bahasa Arab:

Kadalfakru aiyakunalkufrun.

Hampir² si-fakir itu menjadi kufur, hampir² orang yang hidup-nya menderita itu menjadi orang engkar, yang keras kepala, yang tidak sanggup tundok kepada undang². Kafir atau kufur, erti-nya orang keras kepala, orang degil, orang yang tidak mahu tundok kepada undang², dia persetankan semua kerana perut-nya lapar. Jadi sa-takat ini satu gulongan kaum, oleh sebab² ideoloji atau sebab² kemiskinan atau oleh sebab² proud of national origin mereka banyak terdapat dalam kegiatan² kominis, tetapi tidak mustahil daripada gulongan Melayu yang keturunan Islam-nya juga akan ikut dalam kem kominis dan Malaya akan menjadi satu kawasan yang paling burok kalau sa-bahagian daripada orang² Melayu dengan jumlah yang lebeh besar daripada yang memang ada sekarang ini, menerjunkan diri dalam kem kominis kerana keadaan² kemiskinan, mendorong mereka, sama ada mereka suka atau tidak suka, sama ada mereka sedar atau tidak di-sedari. Termakan propaganda² dari musuh yang akan menghanyut dan menghanchorkan diri mereka sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita terlalu bijaksana orang-nya, mengeluarkan statement² yang terlalu tinggi, pandai mengator sa-suat mana yang baik mengikut pandangan beliau dan mana yang tidak baik mengikut pandangan beliau, bukan ra'ayat, tetapi beliau sendiri. Kemudian di-kenakan-lah Chukai Jualan. Perlaksanaan-nya telah berjalan beberapa bulan, akibat-nya ra'ayat yang menanggung, menyeluroh boleh dikatakan hampir tiap barang naik harga. Erti-nya harga-nya naik kerana penjual² terpaksa membayar chukai jualan, tetapi sa-benar-nya pengguna membayar indirect. Hakikat-nya dia-lah yang menanggung semua-nya sa-kali kenaikan harga barang. Orang² yang terkena chukai jualan, bukan sahaja pengeluar² barang, tetapi tukang² jahit sampai kepada tukang² emas dan tukang perak. Kalau dahulu tidak ada ini, sekarang telah mulai ada. Di-Kelantan ada

tukang emas Melayu dan ada tukang perak. Mahu mereka mencheritakan kegelisahan mereka kepada saya, tetapi kawan² kita dari gulongan orang bukan Melayu ta'mahu mencheritakan hal ini, maka ta'dapat saya menyampaikan betul² hasrat mereka ini semua di-dalam Dewan kita ini. Daripada gulongan Melayu yang menyampaikan kepada saya dapat-lah kita kesankan, betapa penderitaan yang mereka rasai sekarang ini. Emas yang mereka beli harus mereka bayar sales tax, yang nanti mereka kenakan pula harga yang tinggi sesuai dengan modal yang mereka keluarkan kepada pembeli² emas. Pembeli emas itu tidak membeli merupakan emas ketol, tetapi ia membeli berupa barang. Upah-nya harus di-bayar di-champor dengan sales tax. Ini berma'ana pembeli kena membayar dua kali sales tax. Satu harga emas yang asal-nya di-beli oleh tukang emas, yang kedua upah. Dua kali sales tax. Ini menjadikan harga barang tinggi. Kerana harga barang sudah menjadi tinggi, kurang pulalah orang yang datang mengupah si-tukang emas membuat barang² emas. Akibat-nya kalau dahulu dia dapat beli dua chupak beras, sekarang hendak membeli $\frac{1}{2}$ chupak pun payah, kerana kurang pendapatan.

Ini ada-lah kebijaksanaan Menteri Kewangan kita, tetapi tanggung-jawab-nya ialah Kerajaan Perikatan seluruh-nya. Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, betapa ra'ayat menanggung penderitaan ini. Kemudian sa-orang tukang emas atau tukang perak ini, dia hanya mempunyai dua tiga orang pekerja yang di-bayar dengan gaji murah atau di-bayar atas kontrek. Kemudian beberapa orang di-rumah² yang bekerja di-rumah yang datang ka-kedai-nya ambil barang bawa balek ka-rumah, buat chinchin upah sekian ringgit, buat kerosang upah sekian ringgit, kemudian beri kepada dia balek. Jadi di-kenakan upah itu di-kira sales tax. Dia sendiri pun menulis ta' berapa betul, sekolah Melayu entah darjah berapa, wallahu-alam. Dia kata kalau dia tulis hendak bacha pun payah. Jadi ini dia mesti beri statement, statement dia mesti bayar, mesti buat menyatakan upah² yang di-terima dan mesti ada chabutan untuk Kerajaan, kerana undang² sudah bagitu—when the law say so, we have to obey. Kena buat, kena ta'at. Apa yang sudah jadi, dia harus menchari sa-orang pula sa-bagai kerani part-time, tapi dia mesti bayar \$40 satu bulan. Dia dapat kira² \$80 dengan \$90 sa-bulan sekarang ini dia

kena bayar \$40 sa-bulan untuk kerani dia menulis statement² untuk membayar sales tax. Apa-kah ini perbuatan Kerajaan Perikatan tidak menyusahkan sa-chara langsung kepada ra'ayat? Ini semua-nya mesti di-kaji kembali dan kalau Menteri Kewangan kita tidak mempunyai kebolehan, dengan segala hormat-nya saya minta Tun Perdana Menteri mengkaji, reshuffle Cabinet, supaya tidak berlaku kesilapan² yang akan membawa akibat burok. Ra'ayat menerjun diri kadalam kem kominis menentang Kerajaan sa-chara besar²an. Tun pun terbalek, Amaluddin pun jahanam. Jikalau kominis naik, bukan Tun sahaja, saya dengan konsep Islam saya bertentang macham langit dengan bumi. Saya pun di-lipat nanti, kalau umur saya sampai, kalau ta' sampai ajal, tidak-lah.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sa'at² yang saperti sekarang ini, satu hal yang sangat menyedehkan, satu kechelakaan sedang menimpa bangsa kita seluruh-nya. Kecelakaan merupakan satu perkara yang paling besar, yang pernah saya katakan dia akan menghanchorkan seluruh struktur dari bangsa Malaysia yang muda yang sedang membangun ini. Dia ada-lah keruntuhan akhlak atau normal kita sendiri. Keruntuhan akhlak ini bukan sahaja yang muda². Pernah Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri kita menyatakan perasaan kesalnya, zaman ini kata-nya, banyak anak² yang tidak menghormati orang tua², erti-nya ibu bapanya lagi, dan memang hal ini terjadi. Dan yang tua² pun makin lagi menjadi², tua²-nya tua² keladi. Ini-lah zaman pencheroba yang paling hebat yang akan menchelakakan seluruh struktur negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat education, mendapat pendidekan pelajaran yang moden ini dari bangsa barat yang menjajah kita. Mereka-lah konon-nya yang memberi tamaddun kepada kita, kerana kita ini orang yang daripada gulongan negeri² timor yang tidak bertamaddun. Mereka datang melihat orang asli di-Malaya yang tidak berpakaian, hanya berchawat, mereka kata ini tidak bagus. Sebab itu topless—ditutup-nya. Di-Sarawak, orang² yang dahulunya itu topless belaka, itu uncivilised, di-suroh pakai baju. Orang kita sudah mulai pakai baju, tetapi orang barat ini yang sudah mula mengajar, yang telah mengajar kita memakai baju, mereka sedang pergi hanyut kepada zaman yang dahulu mereka kata kita ini uncivilised. Jadi sekarang ini

manusia di-barat merupakan manusia yang paling uncivilised. Ini ada-lah repetition, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada-lah repetition dan history repeat itself, manusia itu dia berpusing mengikut sejarah manusia.

Dia kembali walau berapa tinggi pun sains dan teknologi manusia, tetapi akhlak yang telah hanchor itu menjadikan mereka akan merasakan. Yang telah sudah, tidak ada apa²-lah, ini perkara biasa sahaja. Oleh kerana keadaan yang bagini-lah menyebabkan lahir-nya sa-suatu yang sekarang ini disentuh oleh Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat soal filem² luhah ini. Sudah banyak ahli² yang menyentuh soal ini. Tetapi pada pehak Kerajaan, Menteri yang bertanggung-jawab, Tun Dr Ismail Al-Haj, dalam jawapan beliau di-Dewan Ra'ayat, menyatakan filem² yang di-katakan luhah ini tidak benar² merupakan filem sex. Di-Barat memang sudah nyata, benar² ada filem studio yang di-keluarkan betul² melaksanakan 100%. Kalau itu-lah baharu di-katakan benar² sex maka this is not the true sex filem yang di-tunjokkan sekarang ini. Sayang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tidak hadhir, tetapi suka saya menyampaikan juga supaya di-sampaikan kepada beliau sa-bagai sa-orang Muslim, mari-lah kita mengingati bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah menyatakan: Tidak dibangkitkan aku, sa-bagai rasul, sa-bagai "prophet" sa-bagai "messenger" oleh Tuhan melainkan untuk menyempurnakan akhlak manusia. Untuk menyempurnakan akhlak, budi pekerti moral manusia dan ini-lah yang paling penting kalau kita menganggapkan soal dakap², chium, jatoh terlentang, terbalek semua sa-kali dari atas katil ka-bawah katil semua-nya, ini bukan sex dan ini satu tauladan yang baik boleh di-pertuntun kepada semua orang, saya sangat menyesali sa-orang Muslim mengeluarkan "statement" yang sa-macham ini pada hal beliau ada-lah bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, filem² ini dan buku² yang mencheritakan hal² saperti itu bukan education yang membina, tetapi education yang menghanchor dan meruntuhkan pelajaran, maka ini boleh di-ambil tauladan, boleh di-tiru, tetapi dia tidak membena sa-balek-nya dia menghanchorkan. Dan hal ini bukan sahaja di-Malaya, ini berlaku bukan sahaja di-Malaysia tetapi di-bahagian² dunia lain. Hal ini berlaku ada sebab² yang tertentu, bukan kita yang buat filem. Yang

membuat filem² yang kita katakan luhah untok tuntunan "adult" sahaja—18 tahun ka-atas ini bukan kita, tetapi bangsa² lain, kapitalis² lain. Mereka menguasai filem production yang besar², pembuat filem yang besar². Mereka dapat menguasai pasaran dunia ini sa-lama²-nya. Mereka mengeluarkan filem membayar gaji mahal² membeli gadis², menchari "Don Juan²" untok menjadi hero² mereka, kemudian di-bayar, kemudian itu menjual filem² mereka dengan harga yang mahal. Apa yang mereka lakukan ini mesti kita fikir, mesti ada sa-suatu motif, ada sa-suatu tujuan di-belakang dan kalau ada sa-suatu tujuan di-belakang-nya dan ini di-lakukan oleh satu golongan manusia, mesti ada satu golongan yang itu, "somebody behind the screen". Ini merupakan "international subvertion, international subersive element", dan siapa-kah yang memainkan peranan dalam dunia kita ini yang menyebabkan hanchor-nya kita sekarang ini, baik kita yang bernama Malaysian, baik kita yang bernama British, baik kita yang bernama American, atau baik kita yang bernama apa pun juga, Yahudi. Yahudi-lah yang menguasai ekonomi mereka. Bank² di-Amerika, Yahudi-lah yang menguasai perfileman di-Amerika. Mereka menguasai majallah², mereka menguasai beberapa badan² club international. Jarum mereka berjalan. Yahudi-lah yang telah menghanchorkan, mengusahakan untok kehanchoran Kerajaan Rome, kuasa Rome di-Palastine, kuasa Rome di-Syria, dengan melemahkan semangat orang² di-sana dan menarek tentera Islam masok ka-sana. Yahudi-lah yang memainkan peranan supaya ra'ayat Mesir menerima kedatangan askar² Islam dan menghanchorkan kekuasaan Rome di-sana kerana mereka tertindas di-bawah pemerintah Rome. Yahudi-lah yang memainkan Sepanyol dari dalam dan askar² Islam mendarat di-Spain dan ini semua-nya history. Sa-telah mereka berjaya meruntuhkan golongan Rome dan Kristian di-zaman dahulu, mereka berusaha menghanchorkan Islam, satu demi satu Islam hanchor, tetapi Eropah naik dengan ilmu pengetahuan teknik yang asal-nya telah di-buka oleh orang² Islam yang maju dalam pengetahuan di-zaman dahulu. Kemajuan teknik di-Eropah membangunkan industri orang² Yahudi tidak mendapat tempat, timbul-nya nationalism di-Eropah menyebabkan orang² Yahudi bertindak menghanchorkan dari

dalam. Lahir-lah faham Kominis yang dilahirkan oleh Karl Marx, putra sa-orang Yahudi di-Negeri Jerman. Di-bangunkan faham ini bagi maksud mereka menghanchorkan seluroh struktur orang Kristian sampai Kristian tinggal nama orang Kristian tetapi tidak mengikut ugama Kristian, hanchor moral mereka semua sa-kali, kemudian Yahudi dengan faham Kominis yang di-ajar-nya itu boleh menghanchorkan yang lain dan membangunkan negara Yahudi dengan bantuan kapitalis di-Amerika, yang hakikat-nya di-kuasai oleh Yahudi sendiri. Tetapi ranchangan Yahudi ini tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kerana Amerika tidak akan di-kuasai oleh Yahudi sa-lama²-nya, sa-kurang²-nya dua state di-Amerika, Illinois dan New York dalam tahun 2000 mungkin di-kuasai oleh orang² kulit hitam sama ada kulit hitam itu Kristian atau kulit hitam itu Muslim, wallah-hu-alam. Tetapi perubahan peratus-nya makin bertambah. Yahudi tidak akan menang dalam ranchangan ini, tetapi dia boleh membuat kekacauan dan kemusnahan dalam dunia ini dan di-belakang usaha² kotor menghanchorkan moral manusia ini ia-lah Yahudi saperti di-belakang usaha kotor melahirkan hippies, chandu dan ganja. Ini Chou En-Lai yang melepaskan ejen² yang membawa chandu keluar untuk menghanchorkan moral ra'ayat Amerika dan askar Amerika dan bangsa² lain. Demikian faham kominis dan permainan Yahudi international berdiri di-belakang, apa yang di-katakan culture, yang sekarang ini kita berhadapan dengan filem² luchah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus memikirkan sa-suatu sa-bagai sa-mesti-nya orang² yang di-pileh oleh ra'ayat menjadi Menteri, harus mempunyai fikiran yang waras dan bertanggung-jawab dalam kerja². Sebab saya katakan begitu, saya telah mengulangi dengan berkata, ini semua-nya akan menghanchorkan struktur bangsa kita sendiri. Bangsa akan hanchor seluroh-nya, kerana itu hendak-lah di-basmikan segala puncha yang boleh merosakan bangsa kita kerana kita mahu membena satu bangsa Malaysia yang bersatu, yang kuat, yang gagah, walau pun kita kechil bilangan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mesti mempunyai tanggung-jawab dan tidak ada siapa yang boleh di-salahkan melainkan Kerajaan, kerana Kerajaan ini di-pimpin

oleh manusia. Manusia itu di-bentuk oleh hati-nya sendiri. Hati-nya mahu buat apa, hati-nya mahu korapsi, dia buat korapsi, hati-nya tidak mahu korapsi, dia tidak mahu korapsi. Hati-nya tidak mahu menipu, dia tidak menipu. Hati-nya mahu menipu, dia menipu. Hati-nya mahu bohong, dia bohong; hati-nya tidak mahu bohong, dia tidak berchakap bohong. Itu semua-nya soal hati. Jadi kerana hati itu kepunyaan manusia, milek manusia, maka manusia itu harus di-pertanggung-jawabkan menanggung segala beban kesalahan yang mengakibatkan rosak-nya bangsa ini. Kerajaan yang di-pimpin oleh manusia itu mesti bertanggung-jawab, jangan salahkan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, anak² muda kita sekarang berkeliaran di-kebun² bunga, diatas kereta Jalan Duta berlaku berbagai² kejadian yang menjolok mata. Sa-orang kawan yang naik sa-buah kereta berdua, berhenti di-Jalan Duta, laki² sama laki², yang sa-orang bawa scarf dari rumah, dia ikat di-kepala, jadi nampak dia macham perempuan, dengan boy friend-nya. Mereka dapat melihat pasangan yang dudok dalam kereta di-sabelah mereka berchumbu² dan mula buang churi. Di-tepi jalan telah berlaku hal² yang lebeh kotor dari anjing, ini berlaku dalam negara kita di-Ibu Kota negara kita sendiri. Apa Kerajaan telah buat, menangkap anak² untuk di-kirim ka-rumah pemulehan sahaja tidak chukup. Kejahatan ada-lah menyeluruh dan tidak kira Melayu, tidak kira siapa, kita manusia Malaysia akan menghadapi masa depan yang lebeh burok, kerana itu hal ini mesti di-selesaikan segera.

Tuan Yang di-Pertua, kejahatan terlalu banyak berlaku dan Kerajaan mesti bertindak membasmikan perkara ini. Kalau kejahatan telah berlaku, mereka ini yang terlampau bersikap bagini dengan kejahatan² bagini akan berlaku minum kuat, chari wang kuat—chari wang kuat ini bunoh orang pun ta' apa. Akibat-nya negeri ini semua-nya kachau bilau. Kalau kita tangkap sa-orang pemuda yang berlagak saperti itu siapa yang mahu kita hukum? Kita hukum dia kerana dia pechah rumah, kita hukum dia kerana dia menchuri, kita hukum dia kerana dia membunoh kawan-nya, kita hukum dia kerana dia merosakkan hak public. Tetapi kalau kita tangkap sa-ekor kerbau atau kita tangkap sa-ekor lembu yang masok satu kawasan pagar, makan rumput, merosakkan bunga², siapa yang kita hukum? Kita hukum tuan

kerbau, kita hukum tuan lembu. Kita tidak hukum lembu atau kerbau. Sekarang sa-orang pemuda yang rosak moral-nya akibat dari kechuaian Kerajaan, Kerajaan sendiri yang bertanggung-jawab mesti di-hukum. Tetapi siapa yang akan menghukum-nya? Sejarah yang akan menghukum Kerajaan yang ada sekarang ini. Sudah berbelas tahun Kerajaan Perikatan memerintah, dia tidak membawa bangsa ini naik, tetapi dia menjunamkan bangsa ini ka-jurang kehanchoran yang paling dahshat sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta dengan amat sangat supaya Kerajaan tolong perhatikan perkara ini dengan sa-dalam²-nya supaya struktur bangsa kita ini tidak akan rosak. Kita tidak boleh membiarkan diri kita di-seret oleh gerakan internasional yang mahu memusnahkan manusia bagi kepentingan chita² satu gulongan lain untok menguasai dunia seluruh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita kembali sa-bentar kepada bahagian akhir daripada Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

Beta berseru supaya ra'ayat Beta akan mengamalkan prinsip² Rukunegara demi kepentingan perpaduan dan kestabilan Negara.

Dan dalam masaalah ini kita menyertai, dan saya perchaya sa-tiap anggota dalam Dewan ini menyertai harapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tetapi, how to implement? Masyarakat ini yang terdiri daripada dua gulongan, gulongan manusia lelaki, gulongan manusia perempuan. Soal sex tidak timbul. Dia adalah nature. Kata Tuhan dalam Al-Qur'an, ma'af Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyebutkan ayat Qur'an:

Hun-nalibasulkum wa-antum libasullahunna "Mereka itu perempuan pakaian kamu lelaki, dan kamu lelaki pakaian mereka perempuan."

Satu sama lain hendak menghendaki. Ini ada-lah soal nature. Yang penting-nya bagaimana kita boleh melahirkan satu masyarakat yang kemudian-nya kita tidak mahu mendengar mereka itu mengatakan saya orang China, suku China, atau saya suku Iban atau saya suku Bajau atau saya suku Melayu. Bila tidak mahu mengatakan saya suku Melayu, Perlembagaan mesti di-pinda. Tentu Perlembagaan boleh di-pinda. Qur'an sahaja

yang tidak boleh di-pinda. Itu bukan hak kita. Kita mahu tiap² orang mengatakan dia bangsa Malaysia. Saya praktikkan perkara ini di-hotel mana juga saya masuk. Dalam ruangan "nationality", saya masukkan saya bangsa "Malaysia". Kita mesti berchakap dan berbuat, berbuat saperti kita berchakap. Jangan berchakap mahu membentok bangsa Malaysia, tetapi Parti Perikatan maseh ujud, ya'ani tidak berbentok Malaysia, tetapi bentok kaum² yang tidak habis² sa-sudah berbelas tahun merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, umur kita hampir dekat, berchakap, bertukar fikiran, berfikir, tetapi hasil-nya nihil. Apa yang kita kejar ta' pernah kita dapat kerana struktur itu tidak betul, kerana kita mempunyai konsep maka harus kita mengikut konsep. Sama ada di-aku² atau tidak, Islam telah di-terima sa-bagai ugama negara, maka sa-suatu yang kita buat harus tidak bertentangan dengan konsep itu sendiri. Saya rasa ini satu perkara yang boleh di-perbetulkan.

Falsafah Rukunegara yang saya katakan tadi, orang lain pun mengatakan abstract.

Rukunegara menyebutkan: Yang pertama ada-lah Keperchayaan kepada Tuhan. Bila saya ikuti penjelasan yang di-beri oleh sa-orang pegawai di-dalam talivishen tentang ini, sampai-lah dia memberi ulasan tentang perchaya kepada Tuhan. Tuhan bagini, bagini, bagini. Kemudian kata-nya ada timbul soal tentang orang kita yang "atheist". Memang ada orang kita yang "atheist" baik dari keturunan Melayu atau China atau apa pun juga warganegara Malaysia. Ada-nya "atheist" atau yang "free thinker", kata pegawai itu, "itu hak dia dalam negara kita yang bebas ini". Jadi apa arti-nya dari segi Islam sa-bagai ugama rasmi negara ini. Perkataan "Keperchayaan kepada Tuhan" sahaja tidak jelas tidak chukop, sebab boleh jadi perchaya kepada lain tuhan. Islam ini di-asaskan kepada "La-ilaha-illallah," satu kenyataan yang terang: Tidak ada Tuhan, Absolute, tidak ada Tuhan lain, melainkan Allah. Jadi bagaimana hendak di-sesuaikan Rukunegara yang pertama itu dengan definisi yang di-beri oleh Pegawai Kerajaan kita dalam talivishen itu. Mari kita chari lagi, tetapi formula ini semua tidak akan berguna kechuali apa yang saya katakan tadi ia-itu soal bahasa chepat di-laksanakan.

Yang kedua-nya, soal mesti ada toleransi dan tidak ada diskriminasi di-antara pekerja²

dalam struktur masyarakat dalam negara kita. Kemudian kita ikuti dengan perkara² lain. Kalau Kerajaan mahu berfikir mari-lah kita berfikir, dan kita akan dapat sa-suatu yang baik yang mempunyai nilai. Dan nilai itu tidak boleh di-chari daripada sumber² lain, melainkan daripada sumber yang dapat benar² di-katakan benar, kerana benar itu tidak ada dua, hanya satu dan sumber itu ada pada kita yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita yang boleh kita terima dan boleh kita amalkan dengan tidak payah gambar-gembor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang terlalu panjang walau pun banyak hal² lain yang saya hendak sentoh, saya rasa sudah memadai. Saya mahu Kerajaan memberi pertimbangan yang serious bahawa apa yang saya katakan ini, walau pun muka saya terlampau serious, tetapi hati saya tidak bagitu. Saya mengharapkan sunggoh² negara kita ini tegak, tidak untuk runtuh. Tetapi tegak untuk aman damai sa-lama²-nya. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yasin berkenaan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sudah tiga hari, Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar hujjah² berkenaan dengan sex, tetapi chara melaksanakannya itu bagaimana supaya perkara ini jangan berlaku, belum lagi saya dapat tahu sa-hingga hari ini.

Kerajaan telah membelanjakan wang berjuta² ringgit untuk membena masjid², surau², gereja² dan juga tempat² kaum asing bersembahyang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun sudah apabila saya pergi ka-satu tempat, murid² yang memasoki Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, lebeh kurang 100 orang. Di-dalam peperiksaan itu hanya sa-takad 9 orang murid sahaja yang mengambil mata pelajaran agama ia-itu murid² Islam dan dalam 9 orang itu, Tuan Yang di-Pertua, 3 orang sahaja yang memasoki peperiksaan terus-menerus. Yang 6 orang murid lagi itu lari. Di-antara 3 orang murid itu, Tuan Yang di-Pertua, hanya sa-orang murid wanita sahaja yang chuba menyoyal soalan² mata pelajaran agama tadi. Dan ini saya telah memberi akuan dalam Pilehanraya Kechil di-Lipis

bahawa saya akan membawa perkara ini ka-Dewan Negara. Jadi kalau kita biarkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang berlaku yang telah di-katakan berkenaan dengan sex yang telah di-kemukakan oleh sa-tengah Ahli² Yang Berhormat di-serata tempat berlaku-nya, perkara itu tidak akan boleh di-tahankan melainkan kita mesti memasokkan pelajaran agama kepada semua murid² yang akan datang ini ia-itu Kerajaan hendak-lah bertindak kepada semua orang² Islam, murid², sama ada dia memasoki belajar untok menghadapi peperiksaan rendah atau tinggi sa-hingga ka-universiti hendak-lah dia-nya lulus dalam mata pelajaran agama. Dengan chara ini, murid² yang akan datang ini-lah yang akan dapat mempertahankan kedudukan maruah mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-sini sangat senang membuat undang² meluluskan satu undang². Umpama-nya jikalau sa-saorang murid dia tidak lulus di-dalam Bahasa Kebangsaan, dia tidak dapat sijil, tidak dapat lulus dalam Bahasa Kebangsaan di-Univer-siti, dia tidak dapat sijil. Tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, kita yang membuat undang² ini tetapi maseh lagi di-sini menggunakan bahasa lain daripada Bahasa Kebangsaan. Kita mesti menentukan satu masa yang tetap supaya semua Ahli² Yang Berhormat di-sini mesti menggunakan bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh berkenaan dengan kedudukan ekonomi negara kita. Kita berharap kepada getah. Tetapi sayang, apabila orang² kampung menjual getah mereka sa-kira-nya kurang daripada sa-tengah kati atau pun 7 tahlil, itu tidak ada harga. Keuntungan itu terpulang kepada orang² yang membeli getah. Harga getah terpulang kepada orang yang membeli bukan-nya kepada si-penjual. Sa-patut-nya kita bertindak pada masa sekarang, Kerajaan patut bertindak ia-itu di-tutup semua kedai² getah ini, jangan di-jual lagi getah, hanya getah susu chair sahaja di-jual, supaya dapat kita mendapat gred yang pertama atau gred yang kedua. Jadi tidak ada lagi Gred 3, Gred 4 dan orang tengah ini tidak merasa lagi keuntungan yang menghisap darah ra'ayat di-kampung².

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan kepada Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Kerajaan patut-lah mengambil berat berkenaan dengan melombong. Kita mesti tentukan kawasan ia-itu di-tentukan jauh-nya

daripada jalan² raya atau jalan² keretapi. Sa-umpama-nya suku batu daripada sempadan jalan² itu tidak di-benarkan melombong. Apa yang telah berlaku baharu² ini di-negeri Perak keretapi telah jatuh di-sebabkan oleh lombong. Dengan jasa baik Kerajaan Pusat, saya perchaya sunggoh pun tanah ini di-mileki oleh Negeri², tetapi dengan jasa baik Kerajaan Pusat mengambil buah fikiran yang sa-macam ini, saya perchaya akan menyelamatkan orang² yang lalulintas di-jalan raya atau pun di-jalan keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi pandangan terutama sa-kali kapada bangsa² asing. Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baginda berkehendakkan sa-kurang²-nya 30 peratus di-dalam masa 20 tahun ekonomi ini di-pegang oleh orang Melayu. Sa-lagi lesen² di-keluarkan kapada bangsa asing dan tidak di-bekukan sa-lama itu tidak akan dapat lagi kita menekmati yang 30 peratus atau lebeh di-dalam masa 20 tahun ini. Dan di-sini saya berharaplah Kerajaan akan bertindak ia-itu menghadkan segala lesen² daripada eksepot-nya, daripada lombong-nya sa-hingga menjual di-tepi jalan di-beri peluang kapada bangsa Melayu dan bumiputra. Kita tahu baharu² ini ia-itu sharikat Perkapalan National, berapa kerat sahaja orang² Melayu yang ada mempunyai saham. Walhal, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah pergi empat kali ka-Tokyo dan juga ka-India untuk mempertahankan kedudukan kapal National ini supaya di-beri kapada orang Melayu. Sunggoh pun Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memberi akuan sa-bagai Tun Abdul Razak tetapi tidak dapat sambutan daripada Kerajaan. Kalau tidak perkara ini di-pegang oleh orang Melayu sendiri sa-bagaimana Perkhidmatan Bas Seri Jaya. Sekian-lah, terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang di-bawa oleh rakan kita Tuan Kamarul Ariffin, bagi menyampaikan ucapan terima kaseh kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-atas Titah Uchapan Seri Paduka Baginda. Dalam per-binchangan Titah Uchapan ini, saya suka berchakap dalam beberapa perkara yang berkenaan dengan pentadbiran dalam negara kita ini dan juga perkara² yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar² yang di-jalankan

oleh Kerajaan. Ramai Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini berchakap, apabila membahathkan Titah Uchapan ini, berasaskan kapada teori², analisa² saperti yang di-berikan oleh sa-orang daripada Ahli Pembangkang daripada Kelantan tadi lebeh kurang satu jam lebeh dia berchakap di-atas teori dan analisa² yang tidak tahu ka-mana tujuan-nya. Hari ini kita sudah masuk ka-zaman yang baharu, zaman praktikal, zaman yang tidak berkehendak kapada teori² yang tidak boleh di-laksanakan lagi. Kita mesti menghadapi kenyataan dan kita mesti menghadapi kerja kita dengan bersunggoh² dengan realistik. Kalau kita bawa di-dalam Dewan ini teori² politik yang sudah basi, yang sudah lapok, yang telah lama di-perbincangkan, tidak-lah ada guna-nya chuma kita buang masa Dewan ini sahaja. Bagi saya, saya rasa masaalah negara kita yang besar yang kita hadapi hari ini ia-lah masaalah ekonomi negara kita, ekonomi yang sedang di-pelupori oleh Kerajaan pada masa ini bagi menetapkan kedudukan kekuatan dan asas² kekuatan ekonomi kita di-dalam negara kita ini.

Yang kedua, Kerajaan sedang mengadakan hubungan² yang baik dengan negara² luar supaya nama baik Kerajaan kita itu dengan negara² luar itu dapat memberi sokongan kapada ketegohan ekonomi yang ada di-dalam negara kita ini. Ini dua matlamat yang besar yang di-usahakan oleh Kerajaan yang patut di-sedari oleh semua pehak. Dalam hendak mengukuhkan kedudukan ekonomi negara kita, saya rasa, kita patut memberi ucapan tahniah kapada Menteri Kewangan kita ia-itu Tun Tan Siew Sin yang pada hari ini baharu beliau berani bangkit mengeluarkan suara untuk memechahkan tradisi² lama berkenaan dengan pentadbiran² bank, berkenaan dengan pentadbiran² saham², berkenaan dengan masaalah² kewangan negara kita. Kalau-lah Yang Berhormat itu mengeluarkan idea ini 5 tahun dahulu, memechahkan masaalah² ini dengan formula² yang ada, saya kata kita hari ini sudah hampir 30% dapat menempatkan bumiputra dalam ekonomi negara kita.

Kita terlampau mengikuti chara² conservative, chara² lama yang di-buat oleh bekas penjajah kita dalam pentadbiran negara. Chontoh-nya, saperti kita tengok peratoran² bank dalam negara kita ini. Undang² Bank Negara sa-waktu kita tubuhkan Bank Negara kita pada masa dahulu kita menggunakan

nama Central Bank. Kita buat satu peratoran yang begitu sama hampir-nya dengan Bank Pusat, atau Bank Negara di-negara Eropah dan tidak ada satu jalan yang dapat bank², Bank Negara kita itu menggunakan kuat-kuasa di-atas bank² perdagangan yang ada, bagi memperbaiki ekonomi ra'ayat negara kita ini.

Pada hari ini baharu-lah datang-nya kesedaran, baharu datang-nya formula² untuk mengubahkan undang² yang lama ini, undang² yang patut lama dahulu telah dirombak dan di-susun kembali. Walau pun saya rasa, saya patut memberi tahniah kepada Menteri Kewangan dalam masalah ini, tetapi saya ada-lah terlewat sedikit masa tindakan yang di-ambil-nya. Tetapi walau bagaimana pun, saya harap dengan tindakan yang di-buat itu akan memberi faedah yang besar di-masa hadapan kita kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kekayaan negara kita ini terletak di-atas dua masalah.

Yang pertama, ia-lah kemajuan bumi, kemajuan yang di-buat di-atas bumi negara kita ini. Itu ada-lah harta kita, itu ada-lah asset kita dan kalau dapat kita majukan bumi maka kita dapat majukan negara kita. Untuk memajukan bumi kita ini ia-lah kita berkehendak kepada wang ringgit. Kita berkehendakkan kepada modal yang banyak. Bukan sahaja kita berkehendak kepada modal yang banyak, tetapi kita berkehendakkan kepada kakitangan yang chekap, pentadbiran yang baik. Ini ada-lah masalah² praktikal yang mesti di-hadapi oleh Kerajaan. Kalau sa-kira-nya kita berkehendak supaya bumi kita yang subur ini dapat di-majukan, dapat mengkayakan, mengukuhkan ekonomi negara kita, maka saya fikir, kita perlu mengkaji sa-mula kuasa² yang ada pada badan yang menguasai di-atas tanah atau bumi negara kita ini. Kita perlu kaji ada-kah kakitangan, pegawai² yang menjalankan kerja untuk memajukan tanah itu benar² dapat memajukan tanah atau dapat menjalankan kerja² dengan tidak ada halangan atau rintangan atau perkara² yang boleh menyekat daripada mereka ini menjalankan kerja² mereka.

Pada masa ini mengikut pendapat saya, satu masalah yang benar menjadi rintangan kepada kemajuan bumi kita ini ia-lah hubungan di-antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Tanah ada-lah di-bawah

Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat tidak berhak menchampori pentadbiran tanah yang ada di-dalam tangan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri maseh berpegang tegoh dengan pentadbiran tanah, dengan pegawai² tanah yang lama², yang tua², yang mengantok dan tidor di-atas fail² di-pejabat tanah yang mana mereka tidak tahu yang mana satu patut di-dahulu dan yang mana satu patut di-kemudiankan. Bertimbun² fail di-Pejabat Tanah itu yang dapat di-buat tilam. Kadangkala hilang, tidak tahu ka-mana fail-nya pergi. Rekod pun tidak tahu. Saya rasa, ini ada-lah bukan satu masalah negeri lagi. Ini ada-lah sudah menjadi problem negara, problem bangsa kita, problem national yang patut Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bersama² mengambil tindakan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak dapat menyelesaikan masalah tanah, berm'ana kita menghalang kemajuan ekonomi negara. Kalau kita ada wang, kalau kita ada harta untuk memajukan tanah, tetapi masalah tanah di-perengkat negeri tidak dapat di-selesaikan maka dapat wang tidak dapat digunakan, walau apa chara sa-kali pun. Chontoh-nya hari ini Kerajaan Pusat dengan suara Tun Abdul Razak sendiri hendak membuka tanah di-Kelantan sa-luas 250,000 ekar di-bawah Ranchangan F.L.D.A., sehingga sekarang tidak ada pun dapat di-buat kerana penyelesaian tanah di-perengkat Negeri tidak dapat di-buat dengan sempurna. Jadi masalah tanah bukan lagi masalah Negeri, masalah tanah sudah menjadi masalah negara.

Saya rasa ada baik-nya bagi Parlimen kita di-beri peluang mengkaji kedudukan National Land Council. Kalau perlu National Land Council itu yang ada dalam Perlembagaan di-beri sedikit sa-banyak kuasa untuk mengkaji, untuk memerhati, untuk memberikan tenaga² kepada perengkat Negeri² itu supaya dapat memperbaiki hal pentadbiran yang kusut yang ada di-perengkat² negeri. Kita pernah buat kepada perkara pesaka. Apa yang saya tahu, pada beberapa masa yang dahulu, bertimbun² kes² pesaka tidak dapat di-selesaikan di-tiap² negeri di-dalam Malaysia ini. Kerajaan Pusat mengadakan satu undang² untuk membolehkan pegawai rendah di-perengkat negeri menyelesaikan pesaka² yang kechil² itu di-luar daripada kuasa Mahkamah² Tinggi untuk menyelesaikan masalah² negara kita. Juga umpamanya perkara yang berkaitan dengan

pemecahan lot² tanah, memperbetulkan sempadan² tanah di-tiap² Negeri, sa-patutnya Kerajaan Pusat tidak patut mengambil tahu hal yang sa-umpama itu. Tetapi oleh kerana perkara memperbetulkan sempadan² tanah yang begitu lama tidak dapat diselesaikan, maka Kerajaan Pusat menubuhkan satu jabatan dan mengadakan pegawai² yang chekap menghantarkan mereka kepada tiap² negeri bagi menyelesaikan perkara² itu dengan segera. Maka hari ini boleh dikatakan banyak daripada tanah² kampung, tanah² yang di-miliki oleh ra'ayat dapat diperbetulkan sempadan²-nya dengan champor tangan, dengan pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

Saya tunjukkan chontoh² ini yang mana Kerajaan Pusat boleh menolong Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah² Negeri. Tetapi kalau sa-kira-nya, masalah yang bagini besar, yang menyekat perjalanan kemajuan negara kita kepada matlamat mengukuhkan ekonomi, tidak dapat kita hendak bentukkan satu badan yang boleh menyelesaikan masalah tanah di-tiap² Negeri, maka satu masa nanti kita akan menyesali dan kita akan rugi besar kerana kita tidak dapat menyelesaikan masalah² di-tiap² negeri. Saya rasa, kalau ada persefahaman, Menteri² Besar tiap² Negeri tentu bersukachita menerima, hulur tangan daripada Kerajaan Pusat dalam masalah yang rumit sa-umpama ini.

Saya tahu, perkara tanah di-tiap² Negeri ini ada-lah perkara besar dan susah hendak di-atorkan, tetapi kalau kita boleh adakan team yang mengandongi pakar² pentadbiran, pakar² dalam masalah tanah, maka mereka ini boleh pergi daripada satu negeri ka-satu negeri untuk menyelesaikan masalah² ini. Saya tahu di-perengkat Kerajaan Pusat ini ada badan² yang boleh mengatorkan chara pentadbiran di-pejabat. Tetapi sa-jauh mana badan yang sa-umpama ini menjalankan kerja tidak-lah kita mengetahui. Tetapi apa yang kita mengetahui ada sharikat², consultant² yang bijak yang sanggup boleh memberi perkhidmatan kepada Kerajaan untuk pergi kepada pejabat² ini memberi nasihat, mengatorkan chara bekerja supaya dapat di-lichinkan kerja² di-pejabat yang ada itu. Saya rasa masalah pentadbiran di-Pejabat² Negeri sangat-lah besar ma'ana-nya kepada ra'ayat dan kepada negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah di-perengkat Kerajaan Negeri ia-lah pengambilan pegawai². Ini pun patut juga Kerajaan Pusat mesti menyelesaikan dengan Kerajaan² Negeri. Umpama-nya di-dalam sa-sabua Negeri, dia ada perkhidmatan yang di-panggilkan Perkhidmatan Tadbir Negeri. Umpama-nya di-Kelantan, ada Kelantan Civil Service; Trengganu, Trengganu Civil Service. Ini kepunyaan State Civil Service. Di-Kelantan, kalau pegawai itu bijak sadikit, dia masok M.C.S., datang bekerja di-Kuala Lumpur, tinggal-lah Kelantan Civil Service, pegawai yang kelas tiga. Kalau graduate yang ada degree Kerajaan Pusat ambil dia masok ka-Perkhidmatan Kerajaan Pusat, jadi Kerajaan Negeri mempunyai pegawai² yang berkelulusan School Certificate, H.S.C. yang tidak berapa lulus. Kemudian hendak mentadbir Negeri, bagaimana hendak mentadbir Negeri, kalau sa-kira-nya zaman ini kita berkehendakkan kepada orang² yang pandai, banyak undang² yang mesti di-bacha, banyak perkara² yang mesti di-ketahui, banyak kursus² chara baharu yang mesti di-ajar, tetapi ahli² Kerajaan yang berkhidmat di-perengkat Negeri tidak kenal apa-kah pentadbiran. Lulus Tingkatan V dan Tingkatan VI tidak dapat pergi ka-universiti, masok kepada Perkhidmatan Negeri, bertugas di-Pejabat Negeri, buat-lah routine di-situ, yang mana bijak sadikit masok M.C.S. Gaji-nya bermula sa-ribu ringgit lebeh, lompat masok ka-Federal tinggalkan dan meninggalkan Perkhidmatan Negeri. Kalau negeri anchor dalam pentadbiran, berma'ana negara pun anchor. Sebab kita pada hari ini ia-lah sabua negara yang berasas kepada Negeri². Kuasa Negeri lebeh besar dalam pentadbiran di-perengkat Negeri daripada pusat. Kalau kecekapan yang ada di-Pusat, kalau bijak pandai yang ada di-pusat ini, chuma boleh mentadbir di-perengkat Pusat, maka kita tidak ada satu remote control yang boleh kita tekan, yang boleh menggerakkan Negeri itu maju. Kita tidak ada satu push button yang boleh pegawai yang bijak di-Kuala Lumpur ini tekan, masalah tanah di-Kelantan boleh di-selesaikan, masalah² pentadbiran di-Johor boleh di-selesaikan, tetapi tidak dapat. Mereka yang ada di-bilek² berhawa dingin di-Kuala Lumpur ini, jarang sa-kali hendak menjejak bumi di-dalam hutan rimba di-luar bandar itu.

Ini masalah negara. Ini ia-lah masalah manusia (human problem) yang mesti kita mengenali, yang mesti kita hadapi dengan kenyataan. Saya rasa, perlu Kerajaan menubuhkan satu Surohanjaya Bebas yang akan dapat mengkaji betul² kedudukan perkhidmatan perengkat Negeri dan juga perkhidmatan yang ada di-perengkat Pusat dan mengshorkan apa yang patut di-buat. Patut kita rombak, kita rombak semua yang ada di-perengkat Negeri dan kita ada satu sahaja perkhidmatan ia-itu bagi seluruh Malaysia satu perkhidmatan orang ramai yang chekap yang di-tadbirkan oleh Kerajaan Pusat yang di-gaji mengikut sekim yang patut oleh satu Kerajaan sahaja. Baharu-lah tidak ada pertandingan, baharu-lah pentadbiran kita menjadi satu pentadbiran yang chekap, yang boleh sesuai dengan kemahuan kita bagi kemajuan negara kita di-masa hadapan.

Kita tubuhkan Surohanjaya untuk mengkaji bagaimana perkhidmatan yang ada di-dalam perbadanan² Kerajaan. Ini chuma perbadanan Kerajaan. Kita tubuhkan satu Surohanjaya mengkaji gaji² mengenai pegawai² Kerajaan. Surohanjaya ini tidak boleh hendak menaikkan gaji perkhidmatan yang ada di-perengkat Negeri sesuai dengan jawatan yang dia pegang dengan kerana kelayakan-nya dan tanggung-jawab membayar gaji itu di-perengkat Negeri. Kalau Kerajaan Negeri kata dia tidak ada wang hendak membayar gaji, Surohanjaya yang di-tubuhkan itu bukan senang hendak menaikkan gaji, mengshorkan supaya hendak menaikkan gaji. Kalau gaji rendah, kalau kebolehan rendah, maka mutu perkhidmatan pun rendah. Bila mutu perkhidmatan rendah, berma'ana negara kita maseh kekurangan kecekapan dalam menjalankan pentadbiran. Ini-lah saya rasa perlu di-perbaiki dan di-ambil tahu oleh Kerajaan dengan sa-berapa segera.

Satu masalah yang mengenai modal, yang saya suka hendak kemukakan di-sini ia-lah perkara berkenaan dengan bank. Hari ini kita ada di-seluruh Malaysia ini berpuluh² bank. Kebanyakan-nya ia-lah bank perdagangan (commercial bank) yang di-modali oleh bukan bumiputra. Chuma Bank Bumiputra sahaja bank Kerajaan yang di-modali oleh Kerajaan bagi membantu bumiputra. Saya rasa, sa-kira-nya Bank Negara hendak mengeluarkan lesen bank, bagaimana baharu² ini telah di-keluarkan satu lesen

bank yang baharu kepada satu company yang baharu buka bank di-Kuala Lumpur ini, saya harap Bank Negara patut-lah ingat, berapa banyak bank yang di-buka di-dalam negara kita ini. Kalau tidak di-sertai oleh modal bumiputra, maka jangan-lah ingat bahawa bank itu dapat menolong bumiputra.

Oleh itu, sa-patut-nya Bank Negara hendak-lah memberikan syarat kepada sa-siapa juga pemodal² yang hendak membuka bank, yang hendak mendapatkan lesen bank supaya merosakkan, menguntokkan modal bank-nya itu kepada bumiputra sama dan hendak-lah bumiputra

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat meshuarat di-tangohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti pada waktu saya memulakan ucapan berkenaan dengan pendapat saya di-atas perjalanan bank² perdagangan di-dalam negara kita ini. Bagaimana yang saya telah chadangkan, ia-itu sa-patut-nya Bank Negara waktu hendak mengeluarkan lesen bank pada masa hadapan ini, hendak-lah mengenakan syarat supaya bumiputra akan dapat menyertai sama dalam bank² yang hendak di-berikan lesen itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, telah lama perkara Bank Pembangunan atau pun Development Bank telah di-suarakan oleh ra'ayat dalam negara kita ini. Dalam Konggres Ekonomi Bumiputra Yang Kedua, perkara ini telah di-suarakan ia-itu supaya Kerajaan dengan sa-berapa segera menggalakkan penubohan atau usaha menubuhkan Bank Pembangunan bagi negara kita ini. Sebab kerja² pembangunan pada masa ini tidak lagi dapat di-lengah²kan lagi dan hendak-lah dengan sa-berapa segera yang dapat Bank Pembangunan ini di-tubuhkan di-dalam negara kita ini.

Saya rasa dalam perkara Kerajaan berusaha menubuhkan bank saperti Bank Bumiputra untuk membantu bumiputra mengambil

bahagian dalam perdagangan dan perusahaan. Kerajaan jangan-lah sangat berharap hendak meletakkan semua beban dan tanggung-jawab kepada sa-buah bank sahaja, seperti Bank Bumiputra. Hendak-lah sa-berapa yang dapat kita perbanyakkan bank² yang boleh membantu bumiputra dalam negara kita ini. Pepatah kita ada menyebutkan: Kalau kita kumpulkan ka-semua telur² di-dalam satu bekas, satu raga itu kalau dia pechah, maka pechah semua sa-kali telur² itu. Jadi itu ada-lah satu chara yang boleh merugikan kita. Maka elok-lah Kerajaan menubuhkan sa-berapa banyak bank seperti Bank Pembangunan, Bank Perniagaan, Bank Perusahaan, dan berbagai² lagi bank yang boleh membantu dalam gerakan ekonomi kita hari ini.

Saya suka hendak memberi pandangan kepada Kerajaan, kalau kita tilek kepada perkembangan kemajuan hari ini, kita boleh lihat bagaimana pesat-nya kemajuan perumahan di-dalam bandar² besar seperti di-Selangor ini. Tetapi kalau kita bandingkan kemajuan pembangunan perumahan yang ada di-dalam bandar² yang kecil di-luar daripada Kuala Lumpur atau pun di-luar daripada Negeri Selangor, maka kita boleh lihat, tidak-lah begitu pesat, tidak-lah begitu chepat atau begitu besar yang timbul di-bandar² yang luar daripada bandar Negeri Selangor. Ini ada-lah kerana Kerajaan berharap sa-mata² kepada pehak² swasta sahaja untuk mendirikan rumah² atau bangunan² bagi kegunaan ra'ayat dalam negara kita ini. Kalau kita melihat perumahan yang di-bena oleh sharikat² swasta yang ada di-dalam bandar Kuala Lumpur atau Selangor, boleh di-katakan lebeh daripada 90% ka-semuanya ada-lah di-bena oleh swasta dan pehak² swasta yang membena rumah² dalam Negeri Selangor ini ada-lah di-bena mengikut chara perniagaan masing², tidak mengikut polisi atau pun dasar yang akan di-tetapkan oleh Kerajaan dan boleh di-katakan Kerajaan pun tidak mempunyai dasar atau peratoran yang tetap yang boleh mengembangkan perkara pembenaan rumah² yang ada di-dalam Negeri Selangor ini sesuai dengan kemahuan Kerajaan menjadikan 30% modal Melayu atau modal bumiputra di-dalam perusahaan² yang sa-umpama ini.

Saya rasa kalau Kerajaan chuma berharap kepada S.E.D.C., semua tanah² dalam negeri ini di-serahkan kepada S.E.D.C. dan diharapkan S.E.D.C. sahaja untuk membena

rumah, maka rasa saya ini akan merugikan bumiputra sendiri, sebab tenaga S.E.D.C. (State Economic Development Corporation) bukan sahaja di-Selangor yang saya katakan ini, kalau di-negeri lain pun makin negeri itu kecil, maka makin kecil usaha dan tenaga S.E.D.C. itu hendak membenakan rumah². Kalau kita pergi ka-seluruh tempat di-dalam Negeri Selangor ini, maka kita boleh lihat yang S.E.D.C. tidak dapat hendak memberi perkhidmatan yang chukop, hendak mengadakan tenaga² yang chukop, untuk membena rumah² yang chukop, sama sa-bagaimana yang di-bena oleh pehak² swasta yang ada dalam negara kita ini. Jadi kalau-lah tenaga S.E.D.C. ini tidak chukop tidak-patut Kerajaan menggalakkan supaya sharikat² bumiputra di-beri tanah. Ditubuhkan sharikat² pembenaan rumah oleh bumiputra dengan di-galakkan oleh Kerajaan supaya membanyakkan sharikat² bumiputra sa-bagaimana sharikat² yang bukan bumiputra mendirikan rumah², menjualkan rumah² itu supaya ini dapat menolong bumiputra mendapatkan rumah dan menanam modal di-dalam sharikat² perumahan. Kalau sa-orang bumiputra yang ada di-Bandar Kuala Lumpur hendak membeli rumah, dia pergi sahaja ka-pejabat sa-buah sharikat swasta untuk hendak membeli rumah, kalau dia tidak dapat tunjukkan \$10,000 wang tunai di-hadapan mata yang mereka yang ada di-meja itu, maka barangkali mata kawan-nya itu pun tidak mahu menengok kerana ada-lah di-fahamkan bahawa bumiputra ini ada-lah orang yang tidak berwang. Dengan kerana itu, ka-semua projek² perumahan itu di-penohi oleh orang yang bukan bumiputra dan tidak mencherminkan berbagai² kaum yang ada di-dalam negara kita ini. Ini kita tidak boleh menyalahkan kepada mereka daripada pehak swasta, kerana mereka mempunyai modal mereka sendiri. Mereka membeli tanah dan mereka yang mendirikan rumah. Kalau Kerajaan hendak memperbaiki perkara ini, maka Kerajaan terpaksa-lah berdiri dan menggalakkan bumiputra dengan menubuhkan sa-berapa banyak sharikat² dan berikan tanah kepada mereka, kerana banyak tanah² lombong yang tidak di-pakai yang boleh di-buatkan projek perumahan di-merata² tempat di-mana di-dapati tanah² kosong. Kalau kita hendak tunggukan S.E.D.C. sahaja buat, saya rasa satu hari nanti kita akan menyesal.

Di-tempat yang saya lawati dalam Negeri Selangor ini, saya pandang macham laut satu² ranchangan perumahan yang di-punyaī oleh swasta. Tidak boleh hendak di-bandingkan dengan apa yang di-buat oleh S.E.D.C. dan ini patut di-sedari oleh S.E.D.C.

Dan satu lagi kecekapan S.E.D.C. dengan kecekapan ahli swasta dalam menjalankan pentadbiran ada-lah berlainan sama sa-kali. Rumah yang di-bena oleh S.E.D.C. lebeh tidak sempurna, lebeh mahal daripada rumah yang di-bena oleh pehak swasta, lebeh chomel, dengan akitek yang lebeh baik, dengan workmanship yang sempurna. Dua perkara ini patut kita sedari, jangan kita kata: Oh! patut kita rampas, atau pun pertahankan swasta supaya jangan membuat rumah, tidak. Kita patut perbaiki chara kita membuat kerja. Kita tengok bagaimana swasta² atau sharikat² perumahan yang ada dalam negara kita ini menjalankan tugas. Mereka ini bekerja siang dan malam, berusaha membena sharikat² mereka itu. Tetapi bagi pehak Kerajaan yang menjalankan kerja, ada had masa-nya, pegawai-nya, pentadbiran-nya, berbagai² problem yang besar. Hendak mengelakkan problem ini, ada satu jalan, ia-itu kita galakkan orang² Melayu kita bumiputra kita, buka sharikat² perumahan dengan chara memberi tanah, memberi sokongan modal melalui Bank Pembangunan dan sa-bagai-nya supaya banyak swasta² dalam kalangan bumiputra dapat membenakan rumah² ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang besar yang di-hadapi oleh Kerajaan ia-lah hendak menempatkan bumiputra di-Kuala Lumpur ia-itu Bandaraya Kuala Lumpur ini, bagaimana kata Timbalan Perdana Menteri kita, sa-berapa yang boleh hendak masukkan bumiputra dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini kalau boleh 30%, berbanding dengan manusia yang telah ada dalam Bandar Kuala Lumpur ini. Kalau kita berchakap, perkataan hendak masukkan bumiputra dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini 30% dalam masa 20 tahun, kalau kita tengok Bandaraya yang ada hari ini dengan perniagaan yang sudah ada berpuluh² tahun, beratus tahun di-tangan mereka yang ada ini, bagi saya ada-lah gelap. Saya tidak nampak bagaimana hendak pijakkan bumi bandaraya ini oleh 30% bumiputra dan dari mana bumiputra 30% ini hendak datang, pun saya tidak nampak. Apa yang saya nampak, apa yang kita boleh buat, kita ansor²kan supaya kebanyakan

daripada tapak² kedai yang ada di-sekitar Pusat² Perdagangan di-dalam Bandar Kuala Lumpur ini mana rumah yang burok, yang patut di-robuhkan, maka kita robuhkan dan kita dirikan rumah baharu dan di-situ-lah baharu boleh kita dapat tempatkan bumiputra² di-dalam perniagaan. Dan ini tidak boleh hendak di-tempatkan ka-semua sa-kali, sebab kalau semua sa-kali bumiputra bersatempat saperti di-Bangunan MARA sekarang, itu bukan tempat berniaga. Nanti dia akan buat tukang baiki basikal, dia tukang baiki jam, tukang jahit, tukang gunting, dengan petak² yang ada di-situ. Itu bukan-lah tempat yang boleh bumiputra berniaga. Apa yang patut kita buat, kita chelah²kan bumiputra ini di-antara orang yang bukan bumiputra. Kalau Kerajaan benakan rumah, katakan-lah di-Petaling Street 10 buah kedai, berikan mereka 5 buah kedai kapada bumiputra, 5 kedai kapada bukan bumiputra dan chelah²kan, selitkan di-antara bumiputra dengan bukan bumiputra supaya dapat-lah pembeli² atau pelanggan² itu pergi ka-tempat itu dengan tidak ada pilihan lagi, dia lupakan siapa punya kedai itu, ada-kah kedai bumiputra atau pun kedai bukan bumiputra. Tetapi kalau sa-kira-nya kita buat saperti di-Jalan Melayu yang di-panggilkan Wisma Yakin, saya pun tidak berapa yakin lagi, sebab saya tengok petak²-nya terlalu kecil, barangkali petak yang sa-luas dua tiga hasta itu tidak siapa pun perchaya mereka boleh berniaga dengan baik. Sa-orang ahli perniagaan mesti dapat keperchayaan orang yang hendak membeli barang. Kalau-lah kedai yang dia buka kedai itu chuma tiga hasta, kalau saya jadi pemborong, saya tidak mahu beri barang² kapada pekedai itu. Hari ini dia buka kedai 3 hasta. Esok dia tutup, dia lari, jadi masalah bagi dia. Jadi keperchayaan tidak ada pada bumiputra yang menjalankan perniagaan.

Hari ini bumiputra tidak lagi mahu kapada petak² kedai. Kita mahu kapada gudang² batu, kita telah boleh menjalankan perniagaan dengan dudok di-kedai² batu. Di-mana jalan yang ada perniagaan, di-Petaling Street umpama-nya, kita mahu orang Melayu masuk, kondemkan rumah burok yang ada itu, rombakkan, buat rumah yang baharu. Kalau tidak dapat, kita belikan ka-semua tanah² di-kawasan itu, buatkan satu ranchangan perumahan yang baharu untok kawasan perdagangan perniagaan,

selitkan orang² Melayu berniaga di-situ. Sebab dalam masaalah perniagaan benda yang besar ia-lah mahu chari pembeli. Kalau buka di-Batu Road, bangunan di-tempat yang jauh daripada mata pembeli, lalat pun tidak masok, hendak jual kepada siapa? Ini ada-lah tanggungan U.D.A. U.D.A. yang telah di-tubuhkan itu mesti survey berapa banyak Pusat Perniagaan (Shopping Centre) yang ada di-bandar² besar, dan berapa banyak dalam Pusat² Perniagaan itu di-punyai oleh bumiputra. Kalau tidak ada, di-mana tempat patut di-jadikan pusat perniagaan, kita ambil dan rombak, di-buat baharu, di-beri kepada bumiputra dan di-beri kepada bukan bumiputra, champor adokkan supaya mereka dapat bersama² belajar dalam perniagaan. Tetapi banyak perbadanan Kerajaan ini, maaf saya katakan, di-tadbirkan oleh mereka yang datang daripada M.C.S. Kalau tidak pun mereka yang datang daripada kompeni British. Sa-orang bekerja di-Kompeni Shell, Kompeni Esso, Kompeni Guthrie, Kompeni William Jacks yang sudah kalah bertanding dengan kompeni China yang ada ini. Hari ini kompeni² British terpaksa bergantung dengan kompeni China yang tahu tektik, yang tahu berniaga, yang tahu selok-belok perdagangan, yang boleh berniaga, chuma kita terlupa kerana Pegawai Tinggi Kerajaan kita hari ini ada-lah di-lateh dalam chara pentadbiran sahaja, maka dia tidak tahu selok-belok perniagaan. Dia ingat kompeni orang puteh itu-lah kompeni yang pandai berniaga. Bila ambil barang daripada kompeni orang Puteh, dia ingat harga barang itu mesti murah. Susu yang di-jual oleh Guthrie lebeh mahal daripada yang di-jual oleh Ah Chong di-pasar, pada hal Guthrie yang membawa masok umpama-nya. Kompeni yang mengimpot itu, kalau jual sa-chara langsung kepada bumiputra lebeh mahal harga barang itu daripada harga barang di-kedai yang ada di-Petaling Street, atau di-mana² tempat kawasan perdagangan yang ada. Perbadanan ini, perlu kepada orang yang benar² tahu tentang perniagaan, orang yang benar² berani dalam menjalankan perniagaan, bukan-lah orang yang tahu menjaga peratoran atau pun sistem perniagaan, tetapi orang yang sa-hari² tahu menjalankan perniagaan. Ini yang mustahak. Bagi pehak Kerajaan kita, bila dia tubuhkan satu² perbadanan, dia ambil pegawai daripada M.C.S. letakan di-situ. Dia rasa kawan ini chukop tahu segala²-nya, sistem

kewangan, Financial General Orders, General Orders, vouchers, semua perkara dia sudah mengetahui-nya. Jadi kita ta' lagi berasa bimbang dan kita berpuas hati bahawa perbadanan itu akan maju. Saya kata ini ada-lah silap. Sa-rupa-lah kalau sa-kira-nya kita hendak buka satu perniagaan kita ambil sa-orang manager daripada satu kompeni orang Puteh, dia mengikut sistem orang puteh, dia hendak berniaga dengan orang bumiputra, si-bumiputra baharu hendak belajar berniaga. Ikutkan peratoran itu, sa-hinggakan tangga pun ta' boleh naik. Tangga itu, tangga perbadanan hendak naik, jejak pun ta' boleh, dengan sebab peratoran itu. Bagi bumiputra itu juga bila dia pergi di-kedai orang China, dia boleh berniaga, dengan chara layanan orang China itu. Ini ada-lah masaalah perniagaan. Ini masaalah² besar tentang kesulitan yang di-hadapi oleh kita, oleh negara bagi menempatkan 30% orang Melayu dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka lanjutkan ucapan saya ini dalam perkara² lain. Saya lihat dalam Titah Uchapan Yang di-Pertuan Agong ini saya dapati semenjak beberapa tahun kemudian ini apabila ada-nya ucapan² belanjawan negara kita ini, saya rasa ada satu benda yang ketinggalan. Benda yang besar yang ta' patut di-tinggalkan telah di-tinggalkan. Benda yang saya kata ta' patut di-tinggalkan tetapi telah di-tinggalkan ia-lah masaalah agama. Dalam ucapan² belanjawan pada beberapa tahun yang lepas ini, saya dapat perhatikan sampai-lah kepada tahun ini, masaalah agama boleh di-katakan tidak di-sentuh langsung. Apa sebab-nya, saya tidak tahu. Apa yang di-sentuh dalam ucapan itu ia-lah mengenai moral berkenaan dengan filem sex yang saya ta' mahu sebut, kerana ramai Ahli² Yang Berhormat sudah menyebutkan-nya. Bagi orang yang suka tengok itu, dia sebut-lah, saya ta' mahu sebut, sebab saya ta' tengok. Saya rasa masaalah agama ini perkara besar yang mesti Ketua Negara kita sebut satu persatu mengenai dasar, matlamat dan chara memimpin ra'ayat kita ini supaya menjadi sa-buah negara yang benar² sa-buah negara yang di-pegang oleh Raja yang beragama Islam, oleh ra'ayat yang berlatar-belakangkan Islam, oleh Perlembagaan yang mempunyai chatetan mengatakkan Islam ada-lah agama rasmi. Kita ada menjalankan kerja ini, di-sekolah² kita. Kita sebutkan hendak-lah di-ajarkan pelajaran

ugama kapada murid² Islam sa-kira-nya ada 15 orang atau lebeh hendak-lah di-ajarkan ugama Islam; kita ada buat, dan kita ada laksanakan, tetapi kita tidak menyebutkan dalam Titah Uchapan di-Raja. Apa yang lebeh besar yang patut kita buat, kita benakan masjid besar², kita benakan beratus² masjid, tetapi dalam Titah Uchapan Yang di-Pertua Agong kita tinggalkan, sa-olah² kita tidak buat masalah hal² mengenai ugama Islam dalam negara kita ini.

Saya rasa ini ada-lah satu ketinggalan dan saya rasa patut di-sebutkan, kerana kita mahu tegakkan negara kita ini dan mengembangkan ugama Islam itu dengan membanyakkan lagi perbelanjaan² kapada sekolah² ugama, kapada pengembang² ugama Islam, kapada pengajar² Islam dan rancangan² mengenai hal Islam hendak-lah kita perbanyakkan. Betulkan kedudukan imej ugama Islam dengan negara kita, peringgikan mutu guru² ugama Islam dan berbagai² lagi menyatukan chara pentadbiran Islam yang lebeh kukoh, yang lebeh sempurna. Benda ini boleh di-sebut dan benda ini kita ada melakukan dengan chara perlahan²; kita buat. Kalau kita tinggalkan dalam Titah Uchapan yang sa-umpama ini, musuh negara kita dapat menggunakan peluang ketinggalan kita ini, menyatakan: Tengok-lah apa Kerajaan awak buat, Uchapan Titah di-Raja pun tidak di-tunjokkan dengan jelas dan tepat mengenai perkembangan ugama Islam dalam negara ini. Ini, saya rasa, ada-lah satu ketinggalan yang patut tidak di-tinggalkan bagi tahun² hadapan. Kita ada beratus² buah sekolah ugama dalam negara kita ini. 75% daripada sekolah² ugama sudah hampir mati, hidup pun ta' mahu.

Kementerian Pelajaran chuma membentokkan satu bahagian sahaja dalam Kementerian-nya dan sa-orang dua pegawai yang menjalankan kerja² routine, hari² masok pejabat tulis fail sahaja. Chukop bulan bagi bantuan, sekolah mati, mati-lah. Guru boleh makan, makan. Ta' boleh makan, ta' tahu-lah. Ini kita tidak mengambil tanggung-jawab sa-chara bersungguh² diatas perkara ugama dalam negara ini. Dan ini ada-lah kelemahan kita yang mesti kita akui.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran Enche' Hussein Onn sa-masa membentokkan satu Undang² Pelajaran, telah saya suarakan

menyatakan dalam perkara ini, memberi jawapan dia akan mengambil alih memberi bantuan satu, dua atau pun tiga sekolah dalam masa sa-minggu. Sampai hari ini suara pun tidak kita kedengaran. Sekolah makin sa-hari makin banyak yang hendak mati, apa yang di-buat pun kita tidak dengar, guru² ugama yang tidak dapat tahan perut lapar telah lari, murid² yang belajar di-sekolah ugama pun sudah makin merosot, makin lari keluar. Apa yang akan jadi kapada mereka ini pun kita tidak dapat menjangka. Kita tegakkan sa-buah Fakulti Islam di-Petaling Jaya. Kita tegakkan Sekolah Menengah Islam di-Kelang, tetapi kita tidak membantu dengan sa-penoh-nya sekolah² yang menjadi akar umbi kapada puncha yang menyampaikan murid² itu kapada Fakulti Islam ini. Jadi di-mana-kah susunan, di-mana-kah program Kementerian Pelajaran untuk menegakkan sa-buah Fakulti Islam yang ada di-Petaling Jaya. Ini perlu di-terangkan di-dalam Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sa-lain daripada itu, saya ada mendengar, betul-kah atau tidak betul, belum-lah dapat saya pastikan, tetapi saya rasa, kalau ada-lah pegawai² yang tolong menchatitkan di-belakang Menteri² dapat menyiasat ada-nya sharikat² yang berlumba² menchari keuntongan dengan mengekspotkan beneh² kelapa sawit Malaysia ka-luar negara untuk menchari keuntongan manakala negara kita maseh kekurangan beneh² kelapa sawit untuk di-tanam di-dalam negara kita ini. Kalau ini-lah benar, maka saya rasa, perlu kita mengambil satu tindakan yang wajar supaya di-bankan atau pun di-sekat terus perkara ekspot beneh² kelapa sawit atau pun beneh apa juga yang di-fikirkan perlu untuk negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap sadikit berkenaan dengan perkembangan yang berlaku di-luar negara kita hari ini. Kita telah dengar perkembangan di-luar negara kita itu bagitu panas sa-kali sa-hingga apa yang berlaku di-Vietnam boleh membangkitkan satu² perkara yang sangat menakutkan di-sabelah timor kita. Saya rasa, kalau sa-kira-nya kita tidak terus terang berani menyokong supaya Amerika berdiri tegap menahan kemaraan komunis di-Vietnam ini atau pun satu² suara yang tegas menunjokkan bahawasa-nya kita dalam keadaan berjaga² atau menyokong

kapada pehak yang menjaga keselamatan negara kita, maka saya rasa perlu kita memikirkannya dengan habis².

Hari ini perkara peperangan di-Vietnam telah menjadi panas. Russia sedang berhadapan dengan Amerika di-telok² di-perayeran Vietnam tetapi hari ini kita berdiam diri, kita tidak mengeluarkan apa² kenyataan. Saya rasa, kalau perlu sa-patut-nya kita adakan perhimpunan atau pun perjumpaan yang boleh dapat menyuarakan kapada negara² besar seperti Russia, Amerika Sharikat, China dan sa-bagai-nya supaya mula² sedarlah bahawa kita ini negara yang kecil yang sentiasa menyeru supaya di-adakan kawasan berkechuali supaya minta adakan perdamaian supaya kita dapat selamatkan nyawa ra'ayat di-negara kita ini, supaya kita dapat negara² besar ini hari ini datang-lah ka-meja perundingan dengan sa-berapa segera. Saya rasa, perlu badan² seperti ASEAN atau pun lain² Badan Pakatan Serantau di-Asia kita ini berpakat dan menghantarkan rombongan, kalau boleh berjumpa dengan Russia, berjumpa dengan President Nixon umpamanya, berjumpa dengan Chou En-Lai umpamanya, minta-lah dengan jasa baik mereka ini supaya datang ka-meja perundingan, hentikan-lah segera langkah² yang boleh membahayakan kawasan kita ini.

Tunku Abdul Rahman pernah berkata negeri kita ini kecil, kalau negeri besar serang, kita menyerah diri sahaja, kita tidak berdaya hendak melawan. Tetapi sa-belum daripada kita serah diri kita beritahu-lah kapada mereka kita minta mereka itu janganlah berperang, dahshat-nya perang ini. Mereka yang muda² ini dia tidak tahu perang ini macham mana. Kita yang telah masuk dalam zaman peperangan, kita sudah tahu, kita sudah tengok macham mana peperangan berlaku. Sa-patut-nya-lah kita adakan satu rayuan tuntutan, suara yang kuat kapada President Nixon hentikan-lah peperangan di-Vietnam, berunding-lah dengan Russia dengan China Komunis, dengan Vietcong dengan apa chara pun supaya jangan ada peperangan di-Vietnam. Dan minta-lah supaya perdamaian itu di-adakan dengan sa-berapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara² lain yang dapat saya sebutkan ia-lah perkara mengenai dengan pentadbiran dalam masa-alah pelajaran kita. Saya suka hendak dapat sa-patut-nya Menteri² kita ada di-hadapan

Dewan ini untuk mengambilkan chatitan dan sa-bagai-nya, tetapi nampak-nya kita ini ia-lah Dewan yang tidak bermenteri. Selalu-nya kalau kita berchakap tidak ada yang hendak mendengar-nya. Chuma yang menchatit sahaja ada. Tetapi tidak apa-lah sebab kalau sa-kira-nya kita suarakan dan suara kita itu di-chatit, satu hari chatitan itu sampai jugalah ka-telinga Menteri. Itu-lah sahaja harapan Dewan Negara ini. Kalau Dewan Ra'ayat chatit lagi, dengar lagi, jawab lagi, bimbang, takut ra'ayat keliru tentang ucapan² itu. Jadi

Tan Sri Haji Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penjelasan, saya memberi penerangan kapada Dewan ini ia-lah di-belakang sana ada pegawai² Kementerian masing² yang menchatit segala ucapan daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian dan mereka akan bertanggung-jawab membawa chatitan² itu kapada Menteri²-nya masing² dan menyediakan jawapan². Kalau tidak ada itu mereka-lah yang bertanggung-jawab dalam hal ini.

Dato' Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya ucapkan terima kasih kapada rakan saya Yang Berhormat Peguam Negara, kerana tolong memberi amaran kapada pegawai yang menchatit itu supaya dia chatit betul² apa yang kita chakap di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah besar mengenai pelajaran yang saya rasa hari ini perlu di-ambil perhatian ia-lah perkara yang berkenaan dengan perkembangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya rasa, Dewan Bahasa dan Pustaka ini dudok di-bawah portfolio Kementerian Pelajaran. Apa yang perlu, saya rasa, kita mengetahui daripada Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah perkembangan yang di-buat di-dalam Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini ada-kah boleh menchapaikan chita² Kerajaan yang pada masa ini telah memulakan bahasa pengantar bahasa Malaysia di-semua sekolah² dalam negara kita ini di-perengkat sekolah rendah. Kalau semua sekolah² rendah di-dalam Malaysia ini telah memulakan dengan bahasa pengantar bahasa Malaysia, maka tidak berapa lama lagi ke-semua sekolah² menengah dan sa-terus-nya kapada universiti², dalam masa, barangkali tahun 1984 akan ke-semua-nya kita pakaikan bahasa pengantar bahasa Malaysia. Kita sa-bagai Ahli Dewan Negara, barangkali Ahli Dewan

Ra'ayat tidak mengetahui, berapa banyak buku pengajian yang telah di-terbitkan, yang boleh di-pakai di-dalam sekolah² rendah dan di-dalam sekolah² menengah dan di-universiti² yang telah dan sedang di-usahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Apa yang saya bimbangkan ia-lah apabila matlamat kita itu sampai maka kelam kabut-lah anak² sekolah kita ini dengan buku² yang tidak sesuai, yang di-ajar di-dalam sekolah² mereka.

Kita hari ini baharu mendapat, menerima satu Kamus Bahasa ia-itu Kamus Dewan Bahasa dan belum lagi kita dapat melihat kamus² yang lain dalam ilmu² sains dan teknologi dan dalam perkara² yang lebeh tinggi daripada apa yang ada hari ini. Saya rasa, perlu Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan laporan pada tiap² tahun, jumlah buku atau pun sa-takat mana kemajuan perkembangan Dewan Bahasa di-dalam perkara pengeluaran buku² sekolah untuk menyesuaikan dengan matlamat negara kita menuju kepada satu sahaja bahasa ia-itu bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar di-seluruh pengajian di-dalam negara kita ini. Apa yang saya lihat pada tiap² tahun kita dapat menerima buku laporan daripada Bank Negara, kita dapat menerima laporan daripada Keretapi, kita dapat menerima laporan daripada Lembaga Letrik Negara, tetapi kita tidak dapat menerima laporan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang lengkap. Berapa orang staff-nya sekarang, berapa orang staff lagi yang dia mesti chukupkan, apa bahasa yang telah di-buat research, berapa buah buku yang telah di-terjemah, berapa buah novel yang telah di-terjemah daripada bahasa Inggeris, daripada bahasa China, daripada bahasa Tamil dan sa-bagai-nya. Ini perlu di-laporkan kepada Dewan untuk menjadi panduan dan pemikiran, untuk menjadi bahathan dan per-bincangan dalam masa kita adakan Dewan pada tiap² sa-tahun sa-kali mengkaji ucha-pan² dan dasar Kerajaan.

Saya tidak hendak mengambil masa yang panjang dalam perbahathan Titah Uchapan ini, tetapi saya rasa perlu Ahli² Dewan kita ini mengetahui dengan jelas satu² organisasi Kerajaan menjalankan kerja, kecekapan-nya dan kelengkapan-nya yang di-jalankan oleh satu² badan itu. Kalau boleh kita hendak tengok badan yang penting sa-umpama itu di-pimpin oleh orang² yang betul² tidak banyak kerja, orang yang kerjanya memimpin badan itu sahaja. Sebab ini

ada-lah badan yang penting untuk negara kita. Kebanyakan perlantekan yang di-buat oleh Kerajaan ia-lah di-lantek sa-orang dengan berbagai² tanggong-jawab. Sa-orang menjadi Pengerusi atau pun Pengarah 10, 15 buah badan. Jadi, tidak ada masa orang yang sa-umpama ini hendak melaksanakan, hendak menyelia, hendak memerhati, hendak menjalankan satu² badan yang kita buat untuk menggerakkan, untuk menggerakkan jentera negara kita ini. Ini ada-lah perlu di-awasi dalam masa-lah² yang besar. Selalu-nya bila kita buat satu badan² yang besar, pada mula kita gerak badan itu bunyi besar, kemudian letak pengerusi itu besar bunyi nama pengerusi itu, macham U.D.A., kita letakkan Enche' Yacob Hitam, kita dengar Enche' Yacob Hitam itu macham gergasi (*Ketawa*). Jadi lepas sa-bulan, dua bulan, Enche' Yacob Hitam pun senyap ta' tahu ka-mana dia pergi. Kita pun ta' dengar cherita apa U.D.A. buat, di-mana tempat dia sudah roboh, di-mana tempat dia sudah naik, di-mana tempat yang dia gali, kita pun ta' tahu. Sa-rupa juga bila kita hendak buka-FIDA, bunyi bukan main, lepas itu FIMA, satu² bukan main lagi, gerun kita dengar-nya. Benda ini betul, ini semua yang kita buat itu sudah kena, kebijaksanaan Kerajaan meng-atorkan tapak itu betul, satu² di-atorkan itu sudah kena, chuma-nya hendak menggerakkan sahaja, itu lain. Kerajaan mempunyai dasar yang chukup baik, susunan progreem chukup elok, tetapi letak orang-nya, orang yang hendak menggerakkan itu, itu dia. Masa hendak menggerak itu, bila hendak meng-gerak itu hilang begitu sahaja. Jadi, sekarang U.D.A., sudah beberapa bulan, satu laporan pun ta' dengar dan apa yang dia buat? Yang saya dengar U.D.A. hendak membuat sa-buah bangunan dekat Petaling Street. Nampak-nya maseh burok lagi, maseh jual sliper burok, barang² second hand ta' habis di-jual lagi. Saya ta' nampak benda-nya. Apa yang saya nampak-nya dalam bandar Kuala Lumpur ini kalau ada kereta tolak ayer batu di-tengah jalan, dia angkat taroh atas lori bawa ka-Polis Station. Itu yang chepat dia buat, yang rumah² burok itu, burok situ juga. Tidak ada pembaharuan, atau pun penempatan orang bumiputra dalam perniagaan itu.

Kalau dengan kuat-kuasa yang di-beri, kalau gerakan jentera itu tidak lanchar, jadi kita rugi masa sahaja, ini masa yang

perlu, masa itu emas. Kita berchakap di-sini chuma boleh berchakap sahaja, kita hendak menggerak, mesti di-gerakkan oleh Kerajaan. Tun Razak ta' boleh menggerak melainkan jentera itu bergerak. Jentera ta' boleh bergerak kalau ketua jentera itu ta' bergerak. Tun Abdul Razak boleh ishtiharkan sahaja, kita lancharkan roket pada hari ini naik-lah dia ka-bulan. Sampai ka-bulan atau pun ta' sampai ka-bulan itu terpulang kepada pemandu itu. Nanti dia turun ka-laut kita ta' tahu, ada-kah dia menyelam dalam laut, kita di-sini ingat dia sudah ka-bulan. Itu yang kita takutkan. Itu-lah mustahak-nya bagi pehak kita, Dewan ini menyuarakan kepada Kerajan supaya menjadi suara kita ini, suara yang menyokong di-belakang suara Perdana Menteri yang hendak melihat segala jentera Kerajaan itu bergerak. Saya rasa, benda ini sangat-lah rumit, benda ini sangat-lah susah kerana perkara ini perkara manusia. Bila perkara manusia, ia timbul human problem. Manusia ini macham², ada yang berpenyakit psycho, ada yang pemikiran-nya ta' betul, manusia itu ada pemikiran dia sendiri. Kalau kita buat dasar, kalau dasar itu tidak sesuai dengan pemikiran dia, dia boleh melambatkan dasar itu berjalan. Kalau dasar Kerajaan itu menyentoh diri dia, menyentoh aktiviti dia, menyentoh perasaan dia, maka dia boleh merosakkan dasar Kerajaan itu. Jadi benda ini ada berlaku, benda yang kechil² sa-macham ini ada berlaku.

Kalau umpama dasar Kerajaan hendak beri konterek kepada orang Melayu supaya lebeh sadikit, orang Melayu masok konterek, tender umpama-nya mahal sadikit pun kita hendak beri kepada orang Melayu bumiputra supaya dia pandai belajar berniaga. Kalau dasar Kerajaan buat macham itu, benda itu menyentoh perasaan orang yang memegang konterek itu, orang yang mentadbirkan, orang yang ada hubungan dalam kehidupan hari², maka dengan kerana menyentoh-nya itu, dia chari jalan macham mana hendak pusing, supaya gagal kerja² yang sa-umpama itu. Bila gagal, gagal-lah bumiputra, maka gagal bumiputra, Kerajaan pun "fed up" dengan bumiputra ini. Bila Kerajaan sudah fed up dengan bumiputra, maka out-lah bumiputra. Tidak ada peluang lagi bumiputra hendak menempatkan sama dalam perdagangan dan perusahaan. Ini benda yang menyentoh mengenai manusia (human) menyentoh perasaan diri manusia dan jentera kita ini terdiri di-atas manusia.

Ini masalah besar. Ini masalah besar, itu-lah sebab-nya maka apa yang boleh di-buat oleh Perdana Menteri chuma bersuara, betulkan jentera, lancharkan gerakan, betulkan imej, baikikan chara pemikiran, ini-lah suara², perkataan² yang boleh Perdana Menteri bagi. Kalau perkataan ini di-terima 10%, maka 10%-lah bergerak jentera itu, kalau perkataan itu di-terima 90%, maka sembilan puluh peratus-lah jentera kita bergerak. Perkataan sahaja yang boleh dimasukkan di-dalam kepala jentera² yang ada di-dalam negara kita ini. Oleh itu bagi kita Ahli Dewan di-sini, kadang² dia jemu-nya dengar berchakap oleh jentera² tadi. Jentera², kata Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat ini dia tahu berchakap sahaja, yang kerja, kita yang buat. Dia tahu chakap, dia tidak tahu apa kita buat. Kadang² dia rasa jemu dengar chakap kita. Tetapi kita chakap 10 tahun dahulu, sa-belum 13 Mei kita telah chakapkan, saya ingat saya berchakap sudah sepuluh lima belas tahun dahulu, sa-belum 13 Mei. Lepas 13 Mei, kaum intelektual baharu hendak berchakap yang kita berchakap 10 tahun dahulu. Sudah di-ingatkan, saya kata chukop-lah, awak pula berchakap, saya sudah berchakap. Masa berchakap sudah habis. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, sekian, terima kaseh.

Dato' Mansor bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, telah tiga hari lama-nya kita mengikuti perbahathan di-atas usul yang telah di-bawa oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin untok menyembahkan ucapan kaseh atau pun tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah-nya yang telah di-lafadzkan pada hari pembukaan Dewan tiga hari yang lepas.

Kalau kita meneliti daripada sa-genap perkara yang di-lafadzkan atau pun yang di-titahkan dalam risalah ini, ia-itu perkara² yang meliputi pada keseluruhan, yang mengenai dengan penghidupan ra'ayat jelata negara kita ini, sama ada dari segi ekonomi, sosial atau pun sa-bagai-nya, maka saya perchaya tidak ada siapa pun yang mempunyai fikiran yang waras, yang akan menolak atau pun tidak bersetuju dengan usul yang di-chadangkan ini. Perubahan² yang pesat telah berlaku dengan terang dan nyata sa-kali dari semenjak mula-nya berjalan Kerajaan di-bawah pimpinan Perdana Menteri kita yang

baru, ia-itu Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, sa-hingga-lah kapada masa ini.

Saya sa-bagai sa-orang Ahli Yang baharu dalam Dewan ini, telah meneliti atau pun mendengar ucapan² yang telah di-buat oleh rakan² saya, sa-olah² saya rasa saya memasoki satu lapangan yang baru atau pun sa-olah² saya merasai² saya memasoki sekolah yang baru. Kerana dahulu saya dudok dalam sa-buah sekolah rendah, tetapi sekarang atau pun pada hari ini saya melangkah masuk sa-tapak ka-sekolah tinggi, maka saya chuba-lah belajar berchakap sadikit sa-banyak untok mengemukakan pandangan² yang mengenai dengan ber-bagai² perkara.

Saya sangat tertarek hati dengan Titah Uchapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini ia-itu berhubung dengan usaha Kerajaan hendak mengujudkan masharakat yang bersatu padu, atau pun usaha Kerajaan hendak menghapuskan perbezaan perkembangan ekonomi kawasan ia-itu dengan chara memajukan kawasan² yang maseh belum di-buka supaya kemajuan ekonomi menyeluroh ka-seluruh pelusok negara.

Saya tertarek hati dengan Perenggan ini, kerana saya datang dari sa-buah negeri yang kurang maju atau pun "under developed state" yang belum di-buka dengan sa-penohnya; mempunyai segala kekurangan² dalam ber-bagai² lapangan. Kita telah mendengar dari semenjak beberapa lama, seruan² Kerajaan, Kerajaan Pusat saya maksudkan, yang bertujuan untok menarek kalangan² swasta supaya datang membuka perusahaan² industri atau pun lain² ka-dalam kawasan² luar bandar atau pun ka-negeri² di-Pantai Timor yang maseh belum terbuka, yang maseh belum mempunyai industri² yang besar, yang sekarang ini telah menghadapi problem ia-itu problem penganggoran yang sedang menjadi² pada hari ini. Tetapi seruan² itu hingga kapada masa ini, hingga kapada sa'at ini belum lagi berhasil. Tidak ada pehak² swasta yang mahu menyahut seruan² tersebut kechuali satu dua sahaja, boleh di-bilang dengan anak jari sa-belah tangan. Kalau bagini keadaan-nya kita mesti-lah mengkaji, menchari sebab² dan puncha-nya maka berlaku demikian. Sedangkan kita menyedari bahawa tiap² pehak, kalangan swasta ada-lah pehak² yang

hendak menchari keuntongan. Di-mana sahaja, kalau mereka dapati perusahaan yang mereka akan jalankan itu boleh memberi keuntongan, mereka akan datang, tidak kira di-mana. Jadi, kalau bagitu kenapa mereka tidak mahu datang ka-Pantai Timor sana. Sebab-nya bagaimana yang telah diterangkan oleh sa-tengah² rakan² saya dalam satu dua hari ini ia-lah kerana maseh belum chukup kemudahan² yang boleh di-berikan kapada pehak kalangan swasta ini, kekurangan² yang nyata terlampau banyak. Dan dengan sebab itu kalau mereka datang, maka ongkos atau pun perbelanjaan menchiptakan sa-suatu akan lebeh banyak tinggi-nya daripada, jika perusahaan² itu di-buka di-negeri² di-Pantai Barat. Ini-lah satu masa'alah yang besar, yang patut kita sama² mengkaji, patut Kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri mengkaji dengan sa-halus²-nya. Kerajaan Pusat sudah menyuarakan akan memberi segala kemudahan², segala "relaxation", maka saya rasa perlu juga Kerajaan Negeri sama² menyambut chita² yang di-kemukakan oleh Kerajaan Pusat ini, ia-itu dengan mengadakan juga segala relaxation ini di-dalam sa-genap perkara. Mithal-nya dalam hubungan mengenai premium tanah, kalau di-Pantai Barat ini dikenakan premium \$50 sa-ekar untok perusahaan, maka di-Pantai Timor mesti-lah di-kurangkan untok memberi galakan kapada kalangan swasta ini atau pun kalau di-adakan sharat² lain, yang ketat hendak-lah di-longgarkan. Kerajaan² Negeri hendak-lah memikirkan atau pun mementingkan soal industri yang menggunakan tenaga manusia yang banyak lebeh baik atau mesti di-utamakan daripada soal keuntongan kapada negeri itu sendiri. Sebab saperti saya katakan tadi, masalah penganggoran sekarang ini telah menjadi satu masalah besar di-mana² juga. Sa-lain daripada itu saya juga berpendapat, walau pun perkara ini saya rasa ta'patut saya sebutkan di-sini kerana ini perkara mengenai Negeri sahaja tidak keseluruhannya, tetapi oleh kerana memandangkan keadaan negeri tempat saya datang ia-itu Trengganu sa-buah negeri yang belum lagi di-buka bagaimana saya katakan tadi, yang sedang berusaha dengan bersungguh² dari sa-genap pehak, sama ada Kerajaan dan juga lain² untok menchari kemajuan ini, untok menarek pemodal² datang, maka saya harap

pehak Kerajaan Pusat juga memberi segala dorongan yang benar², tidak hanya pada kata² sahaja.

Saya merasa amat kesal sekali atas satu kejadian, atau satu berita, barangkali tuan² kalau membaca akhbar tidak berapa lama dahulu, Ahli² Yang Berhormat tentu teringat pada satu pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan Tun Tan Siew Sin ia-itu penerangan atau pun kenyataan melarang Kerajaan Negeri membena sa-buah jeti dalam Negeri Trengganu. Ini ada-lah satu perkara yang sangat aneh dan sangat pelek. Tujuan atau pun chita² untuk mendirikan sa-buah jeti di-Trengganu ini sa-benar-nya bukan-lah asal-nya berpuncha daripada Kerajaan Negeri sendiri. Ini ada-lah permohonan daripada satu pehak kalangan swasta yang dengan permohonan-nya itu, mereka sanggup membiayai keseluruhan 100% projek itu, tetapi di-beri peluang kepada Kerajaan Negeri untuk menyertai sama menanamkan modal kalau Kerajaan Negeri mahu. Jadi, kalau ini kedudukan-nya kenapa Menteri Kewangan menahan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Negeri Trengganu pada masa ini ada mempunyai tanaman kelapa sawit lebih daripada 50 ribu ekar. Lebih daripada 50 ribu ekar—to be exact 52 ribu ekar pokok kelapa sawit sahaja, tidak termasuk getah. Lima puluh ribu ekar lebih ini output-nya, atau pun pengeluaran minyak-nya akan mencapai angka 100 ribu tan pada satu tahun. Ini di-kira lebih kurang 2 ribu tan sa-tahun tiap² satu ekar. Tujuan kalangan swasta yang hendak mendirikan jeti ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah untuk menghantar keluar minyak² kelapa sawit ini dengan ta' payah lagi di-hantar melalu² Port Swettenham atau pun Port of Klang sekarang ini. Kalau dapat di-bena jetti ini di-dalam Negeri Trengganu, (Kemaman) pehak² swasta atau pun penanam kelapa sawit di-Trengganu akan dapat menyelamatkan lebih kurang \$10 juta sa-bulan tambang-nya sahaja. Dan ini bukan sa-takat sa-tahun sahaja. Ini-lah sebab-nya saya katakan tadi saya sangat kesal di-atas larangan ini. Tetapi sa-balek-nya, saya sukachita jugalah dengan alasan yang di-berikan oleh pehak Kerajaan Pusat, ia-itu Kerajaan Pusat sendiri berchadang hendak membena sa-buah pelabuhan di-Kuantan dan bila di-tanya bila jangka siap-nya, di-agak² dalam tahun 1978, enam tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, boleh memikirkan \$10 juta sa-tahun tambang kita rugi, enam tahun jadi berapa? Sedangkan kalau di-benarkan pehak swasta sama ada di-sertai sama oleh pehak Kerajaan negeri atau tidak membena jeti-nya sendiri untuk mengeksport minyak kelapa sawit itu mereka akan dapat menyiapkan ta' lewat daripada tahun 1974. Saya berchakap ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ada mempunyai kenyataan² dalam hal ini. Saya sentiasa mengikuti perkembangan-nya. Saya berani menyatakan perkara ini ada-lah perkara yang sa-benar. Jadi apa yang kita harapkan sekarang dengan kerana ada-nya keputusan yang telah mu'tamad daripada pehak Kerajaan Pusat, maka saya berseru-lah usaha untuk membena pelabuhan di-Kuantan itu hendak-lah di-segerakan, jangan sa-boleh²-nya di-tunggu completion-nya sampai tahun 1978, atau pun keputusan melarang pembenaan jeti ini di-kaji sa-mula. Benarkan kepada pehak swasta yang saya maksudkan membena jeti ini atas kesanggupan-nya, on their own risk. Ma'ana-nya kalau dia rugi dia punya fasal. Kalau di-bena, bukan sahaja Negeri Trengganu dapat menyelamatkan wang tambang yang berjuta² itu, tetapi juga akan dapat menampung beribu orang belia² yang sedang menganggor pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka juga menyentoh sedikit berkenaan dengan soal pelajaran. Telah banyak rakan² saya yang telah menyentoh perkara ini dan kerana itu saya hanya akan membabitkan sedikit sahaja, ia-itu berhubung dengan apa yang kita telah dengar, masalah drop-out hebat di-perbincangkan sampai sekarang ini. Dan laporan penyiasatan yang telah dijalankan oleh Kerajaan belum lagi di-siarkan. Maka kita mengetahui puncha² drop-out ini salah satu daripada-nya ia-lah di-sebabkan kemiskinan, kemiskinan ra'ayat jelata terutama-nya di-kawasan² luar bandar nyata kelihatan, perbedzaan yang jauh bagi pendapatan mereka dengan sa-tengah² gulungan sangat-lah terang dan nyata. Sedangkan pada hari ini barang² keperluan melambong tinggi, naik harga tiap tahun, bahkan tiap² kali Budget bersidang, barang² naik, sama ada dengan sebab chukai atau pun dengan sebab world market dan sa-bagai-nya. Barangkali kapada pegawai² Kerajaan memang tidak-lah begitu terasa bagi mereka kerana mereka juga menikmati kenaikan² gaji dengan adanya Suffian Report baharu² ini, bukan main

mereka dapat “durian runtuh”. Tetapi chuba-lah kita fikirkan, apa hal-nya pak-tani² kita, apa hal-nya nelayan² kita? Kalau dahulu dia dapat \$5 atau pun \$7 sa-minggu, hari ini juga macham itu, ta’ ada perubahan bagi kaum nelayan. Bagi kaum petani adalah sedikit perubahan kerana ada-nya usaha yang bersunggo² di-jalankan oleh Kerajaan berhubung dengan tanaman padi dua kali sa-tahun dan sa-bagai-nya. Tetapi perubahan ini juga tidak sa-imbang sama sa-kali sebab kita sama² mengetahui perusahaan menanam padi ini bukan-lah satu perusahaan yang menguntungkan, bukan satu perusahaan yang boleh membawa kekayaan kepada ra’ayat di-mana² sa-kali pun. Sebab kita sendiri boleh berkira. Kalau dahulu mereka menanam padi sa-kali sa-tahun pendapatan-nya 400 gantang sa-ekar boleh di-jual tidak lebeh daripada \$200. Maka sekarang dengan ada-nya usaha tanaman dua kali sa-tahun pendapatan-nya dengan sebab teknik moden dan baja dan sa-bagai-nya naik 600 gantang sa-ekar. Dua kali dapat 1,200, kalau di-jual dapat \$600 sa-tahun. Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah kita sama² fikirkan sa-takat mana pendapatan mereka itu. Apa yang patut kita buat? Kalau sa-kali² kita fikir barang kali lebeh baik soal beras ini kita impot sahaja, lebeh murah daripada kita tanam. Kalau tidak biarkan tanaman itu jadi sa-takat yang ada, 70 peratus 80 peratus keperluan negara, yang lain itu ta’ usah di-galakkan, impot sahaja, kita akan dapat bekalan beras yang lebeh murah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berbalek kapada soal kechichiran dalam pelajaran tadi oleh sebab tidak kemampuan dan sa-bagai-nya. Kemudian di-tambah pula dengan sales tax juga ada mengenai kapada mereka itu. Saya telah menyiasat walau pun dalam masalah pelajaran ini, buku pelajaran dan buku tulisan di-kechualikan daripada sales tax, tetapi ada juga benda yang mereka kena bayar. Kertas² lukisan, drawing blocks, saya semalam, ada-lah menjadi satu senjata pensil, rubber dan lain² Ini kena sales tax. Maka sales tax, sa-bagaimana kata rakan utama bagi pekedai² untuk mengambil peluang menaikkan harga barang². Kalau sales tax barang² yang harga-nya 5 sen dahulu, kalau 5 peratus berapa sangat-lah dia kena bayar. Point berapa sahaja, tetapi dia naikkan 5 sen sebab kata-nya hendak naik 1 sen hendak beli apa dengan 1 sen. Duit 1 sen tidak guna sekarang. Jadi tiap² barang sa-

kurang² naik 5 sen. Ini tambah memberatkan kapada ibu bapa terutama kapada mereka² yang di-luar² bandar, bukan pegawai² Kerajaan sahaja seperti yang di-katakan tadi. Apa saya harapkan untuk menolong mereng-gangkan bebanan mereka ini, saya mencha-dangkan kapada pehak Kementerian Pelajaran ia-itu dengan mengadakan peruntokan yang lebeh banyak bagi memberi bantuan buku² pelajaran kapada keseluruhan murid² yang datang dari luar bandar. Kita dapat tahu sekarang memang ada bantuan² ini melalui Kementerian Pembangunan Negara yang di-berikan kapada Tingkatan III, hingga Tingkatan V sekarang, kalau tidak salah. Maka saya harap bantuan ini hendak-lah di-salurkan keseluruhan-nya kapada semua sekolah untuk menolong murid² daripada luar² bandar. Dan kalau tidak dapat di-buat demikian saya juga memohon supaya Kementerian Pelajaran memberi tempat perchuma kapada semua murid² yang datang dari luar bandar dalam sekolah ia-itu free places dengan tidak payah membayar school fees. Ini-lah sahaja satu jalan yang saya rasa boleh juga menolong mengurangkan kesusahan kaum² tani di-samping perkara² yang lain.

Masaalah kenaikan harga barang² ini, kadang² saya sendiri pun tidak mengerti, pelek. Apa sebab saya kata pelek². Mula² barang² ini mahal harga-nya sebab barang ini tidak ada dalam negeri kita. Jadi di-impot daripada luar negeri tentu-lah banyak belanja-nya bagitu bagini. Jadi kita kena jual mahal dalam negeri ini. Tetapi apa yang berlaku yang saya perhatikan semenjak beberapa lama ini sa-balek-nya. Bila barang itu di-impot harga-nya murah. Bila di-adakan sahaja kilang-nya dalam negeri naik harga-nya dengan bagitu mahal. Chontoh-nya barangkali kita maseh ingat gandom yang pertama sa-kali. Sa-belum di-adakan kilang gandom di-Malaysia ini harga-nya rendah. Bila sahaja ada kilang gandom naik harga-nya. Kalau di-bawa daripada Singapura murah. Kemudian lepas itu simin bagitu juga. Sa-belum ada kilang simen, kata-lah harga simen \$4 satu bag. Bila ada kilang sendiri sudah naik \$4.50, sekarang sudah naik \$4.80. Dan pada hari ini kita dapati pula perkara yang sama telah berlaku kapada gula. Sa-belum gula ini di-tanam di-Malaysia harga-nya boleh tahan-lah. Daripada 30 sen, bila timbul sahaja ura² hendak buka kilang gula, naik 40 sen. Bila tertuboh-nya kilang Gula Perak naik 45 sen. Harga 45 sen ini ia-lah

bagi kawasan bandar, Tuan Yang di-Pertua. Kalau di-luar bandar 50 sen. Alasan-nya transport. Lagi sa-kali transport. Yang saya pelek sedikit dalam kenaikan gula pada kali ini, saya tidak faham-lah barang kali saya belum bagitu matang dalam hal ini, saya membaca berita kenaikan gula ini pada 16 haribulan April, mengatakan Kementerian telah bersetuju kenaikan gula ini 5 sen lagi. Dengan alasan kenaikan harga raw material dalam pasaran dunia maka harga gula dinaikkan di-benarkan di-jual 45 sen sa-kati. Tetapi 10 hari kemudian pada 26 haribulan, saya membaca satu berita ia-itu daripada surat khabar Business News *South China Morning Post* bertarikh 26hb April. Saya baca di-Hong Kong, Tuan Yang di-Pertua, keratan-nya ada saya bawa balek. Kata-nya di-sini "Sugar price takes a dive". Harga gula di-London telah jatuh £20 ia-itu daripada £90 kepada £70. Ini 26 haribulan punya surat khabar. Kita telah menaikkan gula 5 sen 10 hari yang lalu, ma'ana-nya berita ini 10 hari kemudian. Di-katakan gula jatuh £20 bererti lebeh kurang \$140 wang kita Malaysia. Tetapi kenapa yang 5 sen tadi maseh di-kekalkan. Ini masaalah yang saya maksudkan tidak mengerti tadi. Saya tidak mengerti keadaan²-nya. Saya harap-lah kalau boleh di-kaji sa-mula keadaan ini dan saya menyokong chadangan salah sa-orang daripada rakan saya pada hari yang lepas ia-itu untuk mengadakan, barangkali kalau tidak silap, daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sekarang sendiri ia-itu supaya mengadakan Price Committee untuk mengkaji harga tiap² barang² keperluan. Untuk mengkaji sa-belum naik atau turun-nya harga yang di-kenakan dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang di-katakan tadi, saya tidak-lah hendak berchakap panjang bagi permulaan ini. Chuma pada akhir-nya saya menguchapkan tahniah kapada pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah dapat menunjokkan satu perubahan yang besar dalam pemerentahan negara kita semenjak beliau mengambil alih Kerajaan tempoh hari. Jadi saya harap-lah usaha² Kerajaan yang sedang di-ranchangkan melalu² dasar ekonomi baharu-nya mesti-lah di-jalankan dengan bersungguh² dan dengan tulus ikhlas oleh sa-genap pehak terutama daripada pehak pegawai² Kerajaan yang bertanggung-jawab melaksanakan-nya supaya dapat di-jalankan

dengan sempurna, dengan tidak memikirkan soal² kepentingan sama kepentingan kenegerian atau pun kepentingan persendirian dan sa-bagai-nya. Sekian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Athi Nahappan: (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, I should like to associate myself with the general feeling of endorsement of the Motion before this House during the last three days. As I see that there is not very much of time before us this afternoon, I should like to start off probably in a light vein on a subject which has been handled by many of my colleagues here.

When I heard the Royal Address in the other House, I wondered why this matter of sex films had found a place in the Address itself. Of course, it is not difficult to find the reason. Of late, there has been a spate of films in the Federal Capital, all of them connected with sex and they have been running to full houses. This certainly drew the attention of quite a few people, and there were views expressed. The Government has taken a serious note of it and apparently has decided that it merits to find a place in the Royal Address, and also a suggestion has been indicated that a Parliamentary Committee would be formed to go into this matter since it is said to impinge on the moral principles of certain sections of our society. Now, Sir, there are many things which impinge on the moral principles of our society, not necessarily sex. Sex is one if it is overplayed. Sex has been with mankind ever since man was created. It has been accepted so long as it is handled with a sense of propriety and within a degree of privacy that it requires. The modern civilisation, particularly as has been manifested in the West, has been expounding, not merely expounding but even venerating, sex, to such an extent that it has become an open sex life in many western countries. This, of course, has been found to be not acceptable to many Asian societies, and quite rightly. In fact, there are many things which the Asian societies would not want to do in public themselves or would not want to do, for instance, in their films.

The Asian films, by and large, even to this day would not give approval for kissing in their films, but they have been tolerating seeing kissing and other acts of endearments in films produced in the West. Now, this has

been taken further and the West has been producing all kinds of sexual films and whether or not these have been acceptable to them, many western societies have been tolerant to these things. The Scandinavian countries, like Denmark, have been living with it: they have been tolerating it, they have been quite resilient and they have been absorbing it. Whether or not they have become less moral, whether or not they have deranged themselves in their sexual concepts and practices is a matter for sociologists.

Here, should we ban these things, or should we allow these things so that the community is able to withstand it by a degree of resilience so that it can protect itself? If you deny a thing, often it happens that it goes underground and people like to see it in stealthy ways. If it is made open after a while what happens is that people themselves get fed up and they get disgusted; this sort of thing is not endured for too long a time because there is always a sense of disgust in this sort of films and entertainment. So, in an open society these things have been tolerated because it has been found that the society would be able to adjust itself, would be able to balance itself, would be able to withstand itself, but if you deny it, then they will always try to go below the counter and it will be very difficult to try to stop many things that go on even in our country.

In spite of the stringent laws, there are blue films being shown which are against the law. Mention has been made about wild parties. They are not a common feature in this country, but they are a common feature probably in western countries—not in all but some. Though these things are against the law, but they do carry on and they do carry on within limits and the law has to take its course. Those who get caught pay the price; those who do not get caught get away with it. But to ban it, is it the solution? If it is banned, can it be effectively removed? These are the questions. Again, it is a matter of drawing a line. When does a film on sex become unacceptable, and when is it acceptable? Where is the line drawn? This becomes a tricky matter and probably the Parliamentary Committee which is supposed to compose of all parties might want to exercise its mind.

Now, we have night clubs here and in every night club there are floor shows and there are many topless shows. Respectable members of the society, affluent sections of the society and leaders go there and see these things. They are allowed to see them. They have been there all these years. Should they be stopped? Why should they be given a privilege which is denied to the others? The argument on that can be—well, a night club is an expensive affair, not everybody can go and see it. The cover charge is high, to go into a hotel is expensive, so the people who go to the night clubs would be limited. But in a cinema hall if it is only a matter of 60 cents or \$1 to \$2 a ticket, you would get any number of individuals who can have access to these films and therefore it is more exposed to a greater number of society than the night clubs which are exposed to a lesser number. Therefore, it can be argued that cinemas should not show these sexy films but night clubs can go on. But in terms of strict argument and principle, it can be said, “Look, what is immoral for one section of the society should be immoral to the other section of the society. The number should not matter. The principle should matter.” Simply because they go to the night club, which is an expensive place, they should have the luxury. So we set up double standards and this is the awkward situation, the embarrassing situation of modern societies. We live in double standards. We pay lip-service to morals. We try to speak in public one thing and then in private life we have our little corners of weaknesses individuals as well as groups. This is the fact of life and these are the realities. Do we want it here in our society in Malaysia which is a multi-racial society?

Now, we already have a Film Censor Board, and this Censor Board has been allowing some of these films that have been shown and are being presently shown in the Federal Capital. The members of the Board have thought fit that these films are not sufficiently demoralising, sufficiently bad enough from the point of view of culture and so on and they have let these films pass. But members of the public—some of them, at any rate—have felt that these should not have been allowed. Then there is the other restriction. Every film of this nature is always limited to adults and then you find “Adults Only”, sometimes in big headlines, with another note that people under the age of

18 decidedly not allowed and so on. But in spite of all these, these restrictions are not effectively, and cannot be effectively, carried out because during the rush of things the ticket seller merely looks at the person. There is no means of checking whether or not a person is 18 or above 18 and the borderline cases are the most susceptible and vulnerable cases. This is a group which we say is the younger group and they are exposed to sex. It is very difficult to guess the age of a boy, whether he is 17, 18 or 18 plus. Now, how will the ticket seller be able to check their age? They do not say it. Again, who is there to say that a person just above the age of 18 is qualified to see it and a person under

the age of 18 is not. It is again very difficult to draw the line where there is the degree of maturity. Of course, we have always been drawing it at the age of 21. But for seeing sex films, it has been lowered to 18. Now, here again it has got to be looked into as to whether his age limit has to be increased.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, Meshuarat ini di-tanggohkan sekarang sa-hingga 2.30 petang, hari Isnin, 15hb Mei, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.31 petang.